

KEBERKESANAN TEKNIK *SCAFFOLDING* SECARA
BERKUMPULAN TERHADAP PENDIDIKAN SIRAH

NORZAHARAH BINTI YAHAYA

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PSIKOLOGI)

COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2011

UNTUK

Suami, Ayah, Ibu, Mertuaku,
Serta buat anakku yang amat disayangi
Muhammad Khairil Iman

Dorongan dan Pengorbanan kalian akan Sentiasa Berada Dalam Kenanganku

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia pembimbing Dr. Fauziah bt Abdul Rahim di atas bimbingan, tunjuk ajar, nasihat yang telah diberikan sepanjang tempoh menyiapkan projek paper tersebut.

Ucapan penghargaan dan terima kasih jua diberikan kepada pensyarah-pensyarah di College Of Arts And Sciences (CAS) yang turut memberikan tunjuk ajar dan nasihat yang amat berguna.

Penghargaan jua buat suami Khirul Nizam, yang sentiasa memahami tugasku sepanjang menyiapkan projek paper ini. Tidak lupa buat kedua ibu bapaku yang sentiasa mendoakan kejayaan anakanda di dunia dan di akhirat. Tidak ketinggalan jua buat anakanda tercinta Muhammad Khairil Iman yang setia menemaniku dan menceriakanku sepanjang menyiapkan projek paper tersebut.

Buat teman-teman seperjuangan, bantuan, tunjuk ajar dan kata-kata semangat kalian amatlah dihargai.

Penghargaan ini jua ku abadikan kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam menjayakan projek paper ini. Jasa Kalian tidak terbalas.

ABSTRAK

Pemilihan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berkesan merupakan salah satu faktor utama dalam mempengaruhi tahap penguasaan pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Pemilihan pendekatan pengajaran dan aktiviti yang sesuai mampu serta dapat menarik minat pelajar dalam mempelajari apa yang ingin disampaikan oleh guru di dalam kelas. Hal ini seterusnya akan mewujudkan suasana yang harmoni dalam pembelajaran. Justeru, kajian kualitatif ini bertujuan mengkaji keberkesanan pengajaran menerusi teknik *scaffolding* berkumpulan dalam menarik minat dan seterusnya meningkatkan prestasi pencapaian pelajar dalam Pendidikan Sirah. Kajian melibatkan penyertaan 12 orang pelajar tingkatan empat daripada sebuah sekolah kluster di negeri Perlis sebagai partisipan. Data kajian diperolehi menerusi kombinasi teknik pemerhatian (menerusi tugasan, ujian dan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti sepanjang berlangsungnya proses P&P) dan temubual mendalam. Analisis dilakukan dengan membuat perbandingan dapatan kajian pada sebelum dan selepas teknik *scaffolding* berkumpulan ini dilaksanakan. Data-data tersebut dihuraikan dalam bentuk perbincangan dan hasil pemerhatian. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan dari segi pencapaian gred dan keterlibatan pelajar sebelum dan selepas penggunaan teknik pengajaran *scaffolding* secara berkumpulan. Selepas teknik *scaffolding* berkumpulan dilaksanakan partisipan kelihatan bukan sahaja lebih aktif (soal jawab) sepanjang proses pembelajaran berlangsung malah dapat mengisi jadual matriks dan peta minda dengan baik tanpa melihat kepada bahan rujukan serta dapat menjawab soalan kuiz dengan pencapaian yang memuaskan. Kajian mendapati teknik *scaffolding* secara berkumpulan ini telah berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan, meningkatkan tahap konsentrasi pelajar, meningkatkan pemahaman pelajar terhadap topik, peningkatan dalam pencapaian pelajar dan seterusnya membolehkan objektif pembelajaran tercapai. Pengkaji mencadangkan agar pengajaran menggunakan teknik *scaffolding* berkumpulan dapat dijalankan untuk jangkamasa yang lebih panjang, mengadakan bengkel 'kemahiran sosial' untuk murid-murid yang terlibat dalam kajian *scaffolding* berkumpulan dan jika kajian lanjut hendak dilakukan adalah lebih baik jika guru yang lebih berpengalaman terlibat.

ABSTRACT

The effective teaching and learning approaches (P&P) selection is one of the main factors influencing the level of student mastery of certain subjects. Selecting suitable teaching approaches and activities are able to attract students' interest in obtaining a deep understanding of the lesson being taught by teachers in the classroom. This in turn will create a harmonious learning environment. Thus, this qualitative study intends to examine the effectiveness of teaching through group scaffolding techniques to attract and influence student achievement in Pendidikan Sirah. The study involved the participation of 12 form four students from a cluster schools in the state of Perlis as participants. Data were collected through a combination of observation techniques (through assignments, tests and student involvement in activities during the learning and teaching process) and in-depth interviews. The analysis was done to compare the findings before and after the group scaffolding technique is performed in classroom. The data are described in the form of discussions and observations. The study found differences in terms of grades and involvement of students before and after the use of group scaffolding techniques. After the group scaffolding techniques were implemented, participants seemed not only more active (questioning) during the learning process but also were able to fill in the matrix table and produced a good mind map without referring to the reference materials. They were also able to answer given quiz questions with a satisfactory performance. The study found that group scaffolding techniques has succeeded in creating a more enjoyable learning environment, improving students' concentration, enhance students' understanding of the topic, increase student achievement and enabling learning objectives to be achieved. It is recommended for group lessons using scaffolding techniques to run for a longer period. It is also necessary to hold workshops on 'social skills' for students who participated in the study group and the future study must also involve experienced teachers.

KANDUNGAN

	Halaman
KANDUNGAN	
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	xiii
 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan kajian	2
1.3 Permasalahan kajian	2
1.4 Persoalan kajian	3
1.5 Skop kajian	4
1.6 Batasan kajian	4
1.7 Kepentingan kajian	5
1.8 Definisi Istilah	6
 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	7
2.2 Pengajaran Dan Pembelajaran	9
2.3 Kepelbagaian Pendekatan Pengajaran	11

2.4	Teknik Scaffolding Sebagai Teknik Pengajaran	15
2.5	Perbezaan Teknik Scaffolding Dengan Mediasi	18
2.6	Kajian Lepas	22
2.7	Kesimpulan	39

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	40
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Etika Penyelidikan	44
3.4	Kawasan Kajian	44
3.4.1	Rasional pemilihan Kawasan Kajian	44
3.5	Sampel Kajian	45
3.5	Alat Kajian	46
3.5.1	Pemerhatian	46
3.5.5	Temubual	46
3.5.6	Analisa Data	47
3.7	Kesimpulan	49

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	50
4.2	Latar Belakang Partisipan	52
4.3	Bukti Keberkesanan Scaffolding	52
4.3.1	Kebolehan Mengingat Kembali	53
4.3.2	Penilaian Dan Ujian	57
4.3.3	Aktiviti Soal Jawab	67

4.3.4	Permainan Kuiz	74
4.3.5	Temubual	80

RUMUSAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	90
5.2	Keberkesanan Teknik Scaffolding Berkumpulan Dalam Pengajaran	90
5.2.1	Suasana Pembelajaran Lebih Menyeronok	90
5.2.2	Meningkatkan Tahap Konsentrasi Murid	91
5.2.3	Meningkatkan Pemahaman Pelajar Terhadap Topik	92
5.2.4	Peningkatan dalam Pencapaian Pelajar	92
5.2.5	Objektif Pembelajaran Tercapai	93
5.3	Masalah Yang Dihadapi Dalam Pengajaran Scaffolding Berkumpulan	94
5.4	Implikasi Dan Cadangan	95

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
Jadual 3.1	Bilangan Pelajar Mengikut Kelas	45
Jadual 4.1	Maklumat Partisipan sebelum Teknik scaffolding	56
Jadual 4.2	Maklumat partisipan selepas Teknik scaffolding	56

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
Rajah 1.1		
Rajah 2.1	Konsep Pengajaran Dan Pembelajaran	9
Rajah 4.3	Maklumat Partisipan Hasil Ujian Topik Sebelum Scaffolding	58
Rajah 4.4	Maklumat Partisipan Hasil Ujian Topik Selepas Scaffolding	59
Rajah 4.6	Zon Perkembangan Proximal Vygotsky	62
Rajah 4.7	Corak Interaksi Murid Dalam Kumpulan	74
Rajah 4.8	Perbandingan Markah Sebelum dan Selepas Scaffolding	77
Rajah 4.9	Interaksi Pelajar Menggunakan Bahan Rujukan atau Tambahan	84

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pembelajaran Pendidikan Sirah seringkali dianggap sebagai sesuatu yang sukar dan membosankan. Hal ini kerana dalam struktur bilik darjah tradisional, proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Sirah lebih menekankan pengajaran berpusatan guru, penghafalan dan kemahiran menjawab soalan peperiksaan. Oleh yang demikian, adalah penting untuk guru Pendidikan Sirah mencari satu strategi dalam teknik pengajaran agar murid-murid dapat menghayati keindahan mempelajari Sirah seterusnya mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi dalam kehidupan seharian.

Strategi pengajaran biasa boleh diubah kepada strategi yang lebih melibatkan komunikasi aktif antara murid dengan pengajar mahupun komunikasi pelajar dengan pelajar. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar. Selain itu, kemahiran berkomunikasi dan berinteraksi dengan baik juga dapat menghasilkan persekitaran bilik darjah yang positif.

1.2 TUJUAN KAJIAN

Kajian bertujuan mengkaji keberkesanan teknik pengajaran menerusi *scaffolding* berkumpulan dalam menarik minat pelajar terhadap Pendidikan Sirah.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Sistem pembelajaran hari ini lebih berorientasikan peperiksaan. Hal ini menyebabkan penekanan lebih fokus untuk mendapat kecemerlangan akademik. Bentuk pengajaran juga cenderung kepada pengajaran berpusatkan guru, penghafalan dan pengajaran untuk peperiksaan. Keadaan ini secara tidak langsung menjadi faktor kepada kurangnya interaksi antara pelajar dalam pembelajaran mahupun kemahiran sosial yang lain serta pencapaian yang sederhana bagi mata pelajaran pendidikan Islam. Hal ini juga mewujudkan suasana pembelajaran yang membosankan. Pelajar dilihat kurang berinteraksi dan kebiasannya mempunyai persepsi negatif terhadap subjek-subjek yang memerlukan penghafalan, misalnya subjek Pendidikan Sirah.

Semakan dokumen sekolah mendapati, murid-murid kurang menyerlah dalam subjek Pendidikan Islam kerana kegagalan mereka memperolehi markah yang baik pada bahagian Pendidikan Sirah. Pelajar menunjukkan kecenderungan tidak berminat untuk belajar topik-topik berkaitan Pendidikan Sirah.

Bagi meningkatkan pencapaian, kemahiran interaksi antara murid serta mengubah persepsi murid berkenaan terhadap Pendidikan Sirah maka, satu pendekatan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran perlu dilakukan bagi memastikan keadaan ini tidak terus merebak. Salah satu pendekatan yang boleh di ambil adalah menerusi pembelajaran secara *scaffolding* berkumpulan. Pendekatan ini dilihat sebagai satu strategi yang mampu untuk membantu meningkatkan prestasi pelajaran murid dalam subjek ini di samping mewujudkan suasana kelas yang lebih aktif dan menyeronokkan. Maka kajian ini penting untuk melihat keberkesanan teknik *scaffolding* dalam menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Sirah.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan-persoalan kajian yang memandu penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

1. Bagaimanakah subjek Pendidikan Sirah menyokong implementasi teknik pembelajaran dan pengajaran *scaffolding* berkumpulan?
2. Bolehkah implementasi teknik pembelajaran dan pengajaran *scaffolding* berkumpulan meningkatkan interaksi antara pelajar?
3. Bolehkah implementasi teknik pembelajaran dan pengajaran *scaffolding* berkumpulan meningkatkan interaksi antara pelajar dengan guru?
4. Bolehkah implementasi teknik pembelajaran dan pengajaran *scaffolding* berkumpulan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Pendidikan Sirah?

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan di salah sebuah sekolah di Negeri Perlis. Penyelidik telah menetapkan bahawa partisipan yang akan terlibat dalam menjayakan kajian ini ialah pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang berusia enam belas tahun. Segala maklumat yang diperolehi daripada partisipan adalah berdasarkan temubual mendalam dan pemerhatian di kawasan kajian. Skop kajian ini adalah tertumpu kepada adakah teknik *scaffolding* ini mampu menarik minat pelajar terhadap pelajaran Pendidikan Sirah dan meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Sebanyak sebuah kelas terlibat dalam kajian ini. Tujuan penyelidik memilih hanya sebuah kelas adalah bagi memudahkan urusan pengutipan maklumat. Penyelidik ingin melihat sejauh manakah pembelajaran menerusi *scaffolding* berkumpulan mampu menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran yang sering disalah ertikan sebagai mata pelajaran yang membosankan. Penyelidik juga ingin melihat sejauh mana kaedah pengajaran dan pembelajaran ini mampu mengubah suasana bilik darjah daripada pasif kepada aktif iaitu wujud suasana interaksi antara sesama pelajar dan juga interaksi antara pelajar dengan guru.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya melibatkan pelajar tingkatan empat sahaja. Rasional pemilihan pelajar tingkatan empat sahaja adalah kerana mereka tidak terlibat dalam mana-mana peperiksaan awam. Sekolah ini dipilih sebagai kawasan kajian untuk meningkatkan prestasi gred pencapaian pelajar supaya mencapai tahap yang cemerlang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Mencari penyelesaian kepada masalah prestasi akademik murid merupakan tanggungjawab penting bagi seorang guru. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah dalam mencari jalan keluar kepada masalah kegagalan murid meraih markah yang cemerlang dalam Pendidikan Islam khususnya pada bahagian Pendidikan Sirah. Hasil kajian boleh membantu menyediakan maklumat kepada pihak sekolah akan teknik-teknik pembelajaran lain yang boleh diaplikasikan bagi peningkatan akademik murid.

Kajian ini juga diharap dapat memberi pemahaman kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru tentang pengajaran dan pembelajaran menerusi *scaffolding* berkumpulan mampu memberi faedah-faedah seperti keseronokan belajar, mewujudkan sikap bertanggungjawab dan berkerjasama antara ahli-ahli dalam kumpulan serta meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam seterusnya meningkatkan pencapaian gred bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

Melalui kajian ini juga, diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang tertentu seperti Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dalam usaha memberi pendedahan kepada guru tentang pelbagai kaedah pengajaran terkini selaras dengan perkembangan dan perubahan pesat dalam dunia pendidikan masa kini. Kajian juga diharapkan dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menggubal kurikulum yang sesuai agar sistem pendidikan di Malaysia diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

1.8 DEFINISI ISTILAH

- a. *Scaffolding*: berpaksikan kepada bantuan yang diberikan oleh seseorang guru atau rakan kelas dalam proses pembelajaran. *Scaffolding* merupakan penghubung antara pengetahuan yang sudah pelajar ketahui dengan pengetahuan yang bakal diketahui atau dikuasai oleh pelajar.
- b. Berkumpulan: berdekatan rapat-rapat menjadi satu atau sekelompok, berlonggok (DBP 2007)
- c. *Scaffolding* berkumpulan: Pelajar atau *learner* diletakkan secara berkumpulan dengan setiap seorang mempunyai kemahiran dalam topik atau sub-topik tertentu. Guru akan memberikan tugas yang memerlukan gabungan kemahiran daripada semua ahli kumpulan. Penglibatan kesemua ahli kumpulan diperlukan untuk menyelesaikan tugas.
- d. Minat: keinginan (kesukaan, kecenderungan) kepada sesuatu (DBP 2007)

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Pemilihan sesuatu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan salah satu faktor utama dalam mempengaruhi tahap penguasaan pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Pemilihan pendekatan pengajaran dan aktiviti yang sesuai juga mampu serta dapat menarik minat pelajar dalam mempelajari apa yang ingin disampaikan oleh guru di dalam kelas. Hal ini seterusnya akan menimbulkan minat pelajar dalam pembelajaran yang diikutinya serta menanam minat yang mendalam dan mewujudkan suasana yang harmoni dalam pembelajaran. Menurut Choong (1991), para guru pada masa kini adalah dinasihatkan agar menggunakan pelbagai kaedah yang berpusatkan pelajar agar dapat melahirkan pelajar yang lebih berkualiti dari segi pencapaian akademik dan aspek-aspek lainnya. Ini juga adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melahirkan bangsa yang bukan sahaja berpendidikan malah berkualiti daripada pelbagai aspek.

Oleh itu, selaras dengan hasrat kerajaan maka lahirlah pelbagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran. Strategi pengajaran biasa boleh diubah kepada strategi yang lebih melibatkan komunikasi aktif antara murid dengan pengajar


mahupun komunikasi pelajar dengan pelajar. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar. Selain itu, kemahiran berkomunikasi dan berinteraksi dengan baik juga dapat menghasilkan persekitaran bilik darjah yang positif.

Jika pada masa dahulu kaedah tradisi digunakan dalam penyampaian pengajaran iaitu kaedah pengajaran yang berpusatkan guru di mana guru hanya sebagai penyampai dan pelajar sebagai penerima maklumat yang lebih mementingkan kepada aspek pengetahuan semata-mata. Kini, pelbagai pendekatan dan kaedah baru wujud selari dengan perubahan kemajuan teknologi maklumat dan kematangan bidang pendidikan. Malah penerapan kaedah baru dan lama dalam bidang pendidikan ini menunjukkan transformasi yang berlaku sebagai persediaan untuk melahirkan lebih ramai pelajar yang berkualiti.

Secara keseluruhannya, bab ini akan melihat kepelbagaian pendekatan yang digunakan oleh guru dalam proses P & P secara umum serta penggunaan kaedah *scaffolding* secara khususnya. Bab ini juga akan melihat kajian-kajian terdahulu mengenai *scaffolding* yang dilakukan sama kajian yang dilakukan di dalam negara mahupun di luar negara. Kajian lepas ini juga adalah sebagai rujukan dan panduan dalam memahami kaedah *scaffolding* yang menjadi aspek utama dalam penulisan penyelidikan ini.

2.2 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Konsep pengajaran dan pembelajaran ini dapat digambarkan dengan mudah seperti rajah di bawah:



Rajah 2.1 Konsep pengajaran dan pembelajaran

Rajah 2.1 di atas memberi gambaran tentang teknik pengajaran oleh guru (sama ada guru sebenar atau bukan guru seperti komputer, televisyen dan seumpamanya). Pengajaran merupakan suatu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Ianya bertujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu. Corak pengajaran juga banya berubah dan akan terus berubah mengikut perkembangan pendidikan dari semasa ke semasa. Matlamat pengajaran negara kita adalah bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis, berilmu pengetahuan serta berakhlak mulia. Keberkesanan pengajaran pula diukur berdasarkan sejauh mana hasil objektif pelajaran dicapai melalui proses pengajaran yang dirancang dan dilaksanakan.

Pembelajaran merupakan aktiviti mental, fizikal atau rohani kepada diri pelajar itu sendiri. Ianya adalah proses di mana individu dapat mengubah sikap dan tingkah laku mereka supaya berkembang secara berterusan serta mampu menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperolehi bagi kemajuan diri sendiri khususnya dan masyarakat atau negara amnya. Faktor penting yang menentukan proses pembelajaran ialah keinginan individu supaya terus belajar di samping berminat menerap dan mempraktikkannya di dalam situasi yang sesuai. Sifat-sifat keterbukaan, reflektif dan objektif sangat perlu bagi menghasilkan pembelajaran berterusan.

Kita seringkali mendengar kenyataan bahawa fungsi pengajaran adalah menghasilkan pembelajaran yang efektif. Oleh itu, satu sesi pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran guru memadankan kaedah pengajaran dengan objektif pembelajaran dan juga gaya pembelajaran mereka. Misalnya, mengajar kemahiran (*skills*) berbeza dengan mengajar menyelesaikan masalah (*problem-solving*). Mengajar kemahiran lebih menekankan kepada arahan, demonstrasi dan juga pembaikan kesilapan (*error-correction*) manakala mengajar menyelesaikan masalah lebih menekankan kepada pemahaman masalah itu sendiri dan kaedah penyelesaian berdasarkan penjelasan konsep secara deskriptif.

Oleh itu, pembelajaran dikatakan berlaku apabila terdapat perubahan berlaku, pemikiran (termasuklah proses dan hasil berfikir), persepsi dan afektif (termasuklah perasaan, sikap dan nilai). Perubahan tersebut pula adalah kekal dan dipengaruhi oleh perubahan dalam sistem saraf pusat manusia itu sendiri.

2.3 KEPELBAGAIAN PENDEKATAN PENGAJARAN

Secara umumnya, sesuatu pendekatan pengajaran yang digunakan oleh seseorang guru perlu mempunyai kaedah atau teknik pengajaran serta strategi yang tersendiri. Hal ini kerana pendekatan pengajaran terdiri daripada beberapa langkah atau kegiatan yang mempunyai urutan tertentu yang lebih dikenali sebagai teknik atau kaedah dalam pengajaran. Menurut Noor Hayati et. al (2009), pengajaran yang dimaksudkan ialah segala aktiviti seseorang untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang agak kekal dalam diri seseorang yang lain. Oleh itu, kaedah atau teknik pengajaran seperti bercerita, perbincangan, bermain, latih tubi, main peranan dan sebagainya adalah satu teknik kemahiran khusus yang perlu ada oleh seseorang guru. Malah jika seseorang guru itu tidak dapat menguasai teknik-teknik yang ada pada sesuatu kaedah maka kemungkinan besar matlamat kaedah itu tidak akan berhasil.

Paul dan Yong (2009), menyatakan penggunaan teknik atau kaedah sebagai satu pendekatan pengajaran adalah perlu bagi seseorang guru untuk membolehkan pelajar mendapatkan pemahaman yang menyeluruh. Tugas guru pada masa kini tidak lagi boleh bertindak sebagai sumber utama pelajar tetapi juga perlu memainkan peranan sebagai seorang fasilitator atau pembimbing semasa proses P & P berlaku. Salah satu pendekatan yang boleh digunakan oleh guru adalah pendekatan pengajaran konstruktivisme. Secara umumnya, konstruktivisme merupakan satu teori yang baru dalam bidang pendidikan. Teori ini bertitik tolak daripada pandangan behaviorisme yang mengkaji perubahan tingkah laku sehingga kepada kognitivisme yang mengkaji tentang cara manusia belajar dan memperoleh pengetahuan yang menekankan perwakilan mental (Noor hayati et.al 2009). Menerusi kajian yang dilakukan ke atas

70 orang pelajar Modul I Program Dua Tahun (PDT), beliau mendapati ujian-t menunjukkan min markah kumpulan pelajar yang diajar menggunakan pendekatan ini lebih tinggi berbanding min markah kumpulan pelajar yang diajar menggunakan kaedah tradisi.

Selain itu selari dengan peningkatan kemahuan terhadap ilmu pengetahuan dan perkembangan teknologi maklumat, terdapat pendekatan teknik penggunaan multimedia dalam P&P oleh guru-guru untuk memudahkan dan meningkatkan kefahaman murid-murid. Teknik ini kelihatan semakin ketara pada awal abad ke-21 dan kajian Norjihan et.al (2005) mengenai kaedah E-Tuisyen sains umpamanya mendedahkan penggunaan multimedia dalam pembelajaran semakin ketara terutamanya dalam bidang sains dan matematik. Menurut Norjihan et.al, kaedah pembelajaran dengan menggunakan teknologi maklumat didapati lebih menarik minat pelajar untuk mempelajari sains. Kaedah E-Tuisyen sains untuk pelajar UPSR umpamanya menyediakan latihan dan pembelajaran secara interaktif kepada pelajar kerana menggunakan pendekatan penerangan dan aktiviti-aktiviti interaktif mengenai sains dan matematik. Malah pendekatan ini dirasakan amat menepati polisi baru yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di dalam Bahasa Inggeris.

Penggunaan teknologi maklumat turut diakui boleh meningkatkan pencapaian pelajar oleh Bushro (2009) dalam kajiannya mengenai kecenderungan kecerdasan pelajar dalam MI-Maths. Menurut beliau, penggunaan teknologi maklumat umumnya serta penggunaan MI-Maths khususnya bagi mata pelajaran matematik bagi pelajar tingkatan 4 adalah satu cara pengajaran yang amat berkesan. MI-Maths umpamanya

merupakan sebuah perisian kursus multimedia yang dibina bagi tajuk trigonometri untuk pelajar tingkatan empat. Malah penggunaan MI-Maths juga digunakan untuk mendiagnosis tahap kecerdasan seseorang pelajar. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, Bushro mendapati terdapat peningkatan dalam pencapaian pelajar apabila diberikan sesi pengajaran dan pembelajaran yang sepadan dengan kecenderungan kecerdasan pelajar tersebut.

Selain penggunaan teknologi maklumat dalam P&P, terdapat juga penggunaan kaedah atau teknik lain yang boleh digunakan oleh guru semasa berlangsungnya proses pembelajaran. Jonassen dan Grabowski (1993) umpamanya menggunakan teori kognitif sebagai satu teknik atau pendekatan yang boleh diambil dalam proses P & P. Kedua-dua pengkaji tersebut menjelaskan bahawa konsep daya pembelajaran adalah kesinambungan daripada konsep gaya kognitif yang membawa maksud perbezaan kecenderungan pelajar dalam memproses maklumat. Keesahan gaya pembelajaran sebagai satu konstruk adalah bergantung kepada andaian ketepatan gaya kognitif pelajar mengikut persepsi mereka sendiri. Berdasarkan teori tersebut, kedua-dua pengkaji ini mengandaikan bahawa pelajar sebenarnya mengenal pasti cara mereka memproses maklumat dan terdapat ketekalan dalaman dalam diri yang dianggap sebagai pelajar.

Walau bagaimapun, Rohaila Yusof et.al (2005) menyatakan bahawa kesesuaian kaedah pengajaran yang digunakan adalah bergantung kepada objektif pengajaran bukan hanya bergantung kepada penerimaan pelajar serta penyampaian guru. Oleh itu, ada kalanya kaedah yang dirasakan merupakan pendekatan terbaik masih tidak mampu meningkatkan pencapaian pelajar. Ini adalah berikutan

kepelbagaian tahap penerimaan pelajar terhadap maklumat yang cuba disampaikan akibat gaya pembelajaran adalah berbeza-beza antara pelajar. Malah situasi tersebut diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Gainen dan Locatelli (1995). Menurut mereka, pencapaian seseorang pelajar dipengaruhi oleh interaksi antara tiga faktor iaitu ciri pelajar, hasil pembelajaran yang ingin dicapai dan persekitaran pembelajaran.

Menurut Siti Hajar (1996) pula, permainan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran juga tidak harus diketepikan. Pada masa kini, beliau mendapati aktiviti permainan bahasa kurang dipraktikkan di dalam bilik darjah. Antara alasan yang diberikan adalah seperti tiada ruang di dalam bilik darjah, bilangan pelajar yang ramai dalam sesebuah kelas, kekangan masa, ketiadaan alat dan bahan yang berkaitan dan sebagainya. Malah ianya lebih ketara jika melibatkan mata pelajaran teknikal. Keadaan ini diakui oleh Seman Salleh yang menyatakan bahawa kepentingan penguasaan bahasa amat penting dalam bidang pendidikan kerana bahasa menjadi medium utama dalam proses P&P. Bahasa juga digunakan dalam interaksi lisan antara guru dan murid. Malah, hal ini jelas dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia (Melayu) bagi sekolah rendah dan sekolah menengah.

Selain penerapan kaedah-kaedah di atas, terdapat juga kaedah lain yang berasaskan sesuatu model kajian. Contohnya adalah penggunaan Model Kolb oleh Rohaila Yusof et.al (2005) dalam pendidikan perakaunan. Kaedah pengajaran berasaskan sesuatu teori merupakan satu kaedah yang diterampilkkan daripada teori yang tercipta oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Menurut Rohaila et al gaya pembelajaran adalah indikator yang stabil tentang bagaimana pelajar berinteraksi dan bertindak balas terhadap persekitaran pembelajaran. Beliau menyatakan secara

umumnya setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Justeru itu, penggunaan gaya pembelajaran berasaskan Model Kolb dalam pendidikan perakaunan bertujuan menguji perbezaan pembelajaran berasaskan model ini dan pembelajaran secara tradisional dengan pencapaian pelajar sebagai asas utama. Berdasarkan kajian ini didapati terdapat peningkatan terhadap pemahaman teknikal dalam mata pelajaran perakaunan bagi pelajar selepas rawatan berbanding sebelumnya.

2.4 TEKNIK *SCAFFOLDING* SEBAGAI TEKNIK PENGAJARAN

Istilah *scaffolding* diperkenalkan oleh Wood, Bruner, dan Ross (1976). *Scaffolding* dikembangkan sebagai sebuah metafora bagi memberi penjelasan berkenaan satu bentuk pertolongan yang ditawarkan oleh guru atau rakan kelas bagi mencapai tujuan pembelajaran. Dalam proses *scaffolding*, guru berperanan membantu penguasaan tugas atau konsep-konsep yang sukar difahami pelajar. Guru hanya memberi bantuan dengan memberikan arahan atau medium bagi mengerjakan tugas-tugas yang dianggap rumit oleh murid. Namun begitu, tanggungjawab penyelesaian tugas tersebut adalah bergantung kepada murid itu sendiri. Murid akan berhadapan melakukan kesilapan semasa menyempurnakan tugas namun dengan bimbingan, bantuan atau panduan oleh guru berkenaan, murid-murid dipercayai akan dapat menyelesaikan tugas-tugas tersebut. *Scaffolding* merupakan penghubung antara pengetahuan yang sudah pelajar ketahui dengan pengetahuan yang bakal diketahui atau dikuasai oleh pelajar.

Scaffolding atau turut dikenali sebagai *mediated learning* adalah teori yang dikemukakan oleh Vygotsky, khususnya yang berkait dengan idea berkenaan *Zon*

Proximal Development. Menurut Vygotsky, peningkatan perkembangan prestasi murid berada dalam dua tahap iaitu, tahap kemampuan aktual (yang dimiliki murid) dan tahap kemampuan keupayaan (yang boleh dikuasai murid). Zon antara tingkat kemampuan aktual dan keupayaan dikenali sebagai *zon proximal development*. Bagi mencapai tahap kemampuan keupayaan, murid memerlukan tangga atau jambatan bagi mencapainya. Salah satu tangga atau jambatan itu adalah bantuan guru berupa dorongan atau bantuan tahap demi tahap dalam pembelajaran dan penyelesaian masalah. Bentuk bantuan yang diberikan adalah berupa membahagi-bahagikan tugas, mengatur bahagian tugas, mendorong pelajar berfikir berulang kali, membantu semasa proses berfikir jika tugas yang diberikan adalah kompleks, memberikan kata kunci, menjalankan sesi soal jawab dan sebagainya. Bantuan yang diberikan bertujuan agar pelajar tidak putus asa semasa menyelesaikan satu-satu masalah itu yang seterusnya boleh mendorong mereka berasa bosan.

Klausmeier (1977) menegaskan bahawa *scaffolding* adalah salah satu pemikiran konstruktivis moden. Paradigma pembelajaran *constructivist* telah disuarakan dengan lantang oleh Degeng (2002) sebagai hal yang wajib untuk merevolusikan pembelajaran di Indonesia apabila kita ingin menghasilkan sumber daya manusia yang ideal (dalam Latief 2002). Paradigma *behavioristic* yang dipegang guru selama ini, yang wujudnya dalam proses pembelajaran berupa pemindahan pengetahuan dari guru ke pelajar, telah menunjukkan kegagalannya dalam menghasilkan lulusan pendidikan yang ideal. Cara pandang *behavioristic* tersebut harus secara radikal diganti dengan cara pandang *constructivist*. Ciri khas paradigma konstruktivistik adalah keaktifan dan penglibatan pelajar dalam upaya proses belajar dengan memanfaatkan pengetahuan awal dan gaya belajar masing-masing pelajar

dengan bantuan guru sebagai fasilitator yang membantu pelajar yang mengalami kesulitan dalam pelajaran. Penafsiran terkini idea Vygotsky itu adalah pelajar seharusnya diberikan tugas yang kompleks, sukar, dan realistik kemudian pelajar juga perlu diberikan bantuan atau dorongan dalam bentuk pelbagai tahap untuk menyelesaikan tugas yang kompleks tersebut. Tugas yang terlalu mudah juga akan menjadikan pelajar malas dan hilang motivasi diri untuk belajar. Walau bagaimanapun, jika tugas yang diberikan kepada pelajar adalah terlalu sukar, hal ini bakal mendatangkan kekecewaan kepada pelajar. Oleh yang demikian, bantuan sedikit demi sedikit daripada guru mahupun rakan sekelas, tugas yang sukar tersebut akan dapat diselesaikan.

Teknik *scaffolding* digunakan untuk mencapai kompetensi yang kompleks, sukar dan realistik. Untuk mencapai kompetensi rumit tersebut pelajar memerlukan tangga, atau bantuan agar ianya dapat dicapai dengan mudah dan bertahan lama.

Lange (2002) menyatakan bahawa terdapat lima langkah pembelajaran bagi menerapkan teknik *scaffolding* iaitu, pemodelan yang sesuai dengan perlakuan yang diharapkan, murid memberikan penjelasan berkaitan model yang ditampilkan, menggalakkan penyertaan oleh murid, mengelaskan dan menyemak pemahaman murid dan menggalakkan murid mencari kata kunci atau isi pembelajaran.

Langkah pertama dalam teknik *scaffolding* versi Lange (2002) adalah pemodelan. Lange merujuk pendapat Hogan dan Pressley (1997) yang menyatakan bahawa pemodelan adalah dengan mengajarkan perilaku yang mencerminkan bagaimana seseorang merasa, berfikir atau mengambil tindakan bersesuaian dengan situasi yang diberikan. Terdapat tiga jenis model iaitu, model yang diberikan melalui

proses berfikir, model yang diverbalkan melalui kata-kata, dan model melalui perbuatan yang mencerminkan prestasi. Dari model-model yang ditampilkan itu, murid diminta memahami konsep berkaitan dengan model tersebut. Murid akan berusaha berlatih melakukan kegiatan-kegiatan yang bersesuaian dengan tujuan yang telah ditetapkan dari latihan tersebut. Guru dapat memberikan pengelasan dan penyemakan berkaitan pemahaman murid melalui maklum balas perilaku. Pada akhir proses pembelajaran, murid akan diminta memberi maklum balas berkenaan apa yang masih belum dikuasai dan guru-guru akan membuat kesimpulan bagi mengukuhkan pembelajaran.

2.5 PERBEZAAN TEKNIK *SCAFFOLDING* DENGAN MEDIASI

Pendekatan pengajaran guru dalam bilik darjah amat bergantung kepada bagaimana mempelajari kandungan sesuatu mata pelajaran. Dalam hal ini terdapat pelbagai pendekatan yang telah digunakan untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran sebagai sesuatu yang mudah dipelajari, difahami dan disukai oleh para pelajar. Walau bagaimanapun, teori-teori yang dihasilkan oleh ahli-ahli psikologi ini mempunyai perbezaan tersendiri dan tanpa disedari kadangkala juga menimbulkan persamaan antara satu sama lain. Dalam hal ini, teori mediasi umpamanya dikatakan mempunyai persamaan dengan teori *scaffolding* yang akan digunakan dalam penyelidikan ini. Persamaan ini dikatakan wujud kerana kedua-dua teori ini dihasilkan daripada pengkaji yang sama iaitu Vygotsky.

Secara umumnya, teknik *scaffolding* atau juga dikenali sebagai teknik topangan ini dihuraikan sebagai bantuan yang diberikan oleh seorang guru kepada seseorang pelajar untuk membantu pelajar tersebut agar berani mengambil risiko serta

mendapat pencapaian tertinggi berdasarkan usaha mereka sendiri. Dalam hal ini, guru hanya bertindak sebagai sokongan kepada pelajar untuk membolehkan mereka mencapai kemahiran-kemahiran utama mahupun sampingan untuk kelangsungan hidup mereka. Teknik *scaffolding* juga merupakan ‘perencah’ untuk menjadikan tugas-tugas belajar ini sesuatu yang lebih mudah untuk dipelajari dan akhirnya memudahkan pelajar untuk beroleh kejayaan (<http://www.mediate.com>). Menurut Driscoll & Marcy (1994), terdapat lima ciri utama yang menggambarkan *scaffolding* iaitu memberi bantuan, berfungsi sebagai alat bantu, memperluaskan kemampuan seseorang, menyelesaikan sesuatu masalah yang dianggap tidak boleh diselesaikan dan digunakan secara selektif untuk memberikan bantuan.

Manakala teknik mediasi pula merupakan satu teknik pembelajaran menerusi pengalaman (*learning experience*) pelajar itu sendiri. Teknik ini merupakan satu bentuk campur tangan (dalam bentuk stimulus tambahan) dengan menjadikan pengalaman yang dilalui sebagai satu proses berfikir dan belajar yang mana akhirnya membuatkan pelajar mempelajari perkara tersebut sebagai suatu benda baru dalam pembelajaran mereka. Salah satu persamaan antara teknik ini dengan *scaffolding* adalah pengembangan terhadap proses pembelajaran berlaku dibahagian zon pembangunan proksimal (*Zone of Proximal Development-ZPD*). Sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini, ZPD merupakan sejenis wilayah penyangga di mana dalam wilayah ini pelajar dapat mencapai taraf perkembangan yang lebih tinggi. Dalam wilayah ini, fungsi-fungsi atau kemampuan-kemampuan yang belum matang namun dalam proses menjadi matang akan menjadi lebih matang menerusi interaksi dan bimbingan orang dewasa atau kerjasama dengan rakan sebaya akan menjadi lebih baik.

Menerusi <http://www.mediate.com> (2010), selain memperluas ZPD seseorang pelajar teknik ini juga berperanan untuk:

- a) menjadikan diri pelajar tersebut sebagai seorang guru terhadap dirinya sendiri
- b) menyediakan pelajar menjadi seorang yang berwawasan, berkemampuan dan mempunyai strategi sebagai seorang pelajar.
- c) meningkatkan proses pembelajaran pelajar terutama semasa berhadapan dengan situasi baru
- d) meningkatkan kefahaman pelajar terhadap cara belajar serta mempelajari bagaimana untuk belajar.

Menurut Lantolf (2000) dalam Mamour (2008), Vygotsky menyatakan teknik mediasi sebagai

“..... tools ” in humans” understanding of the world and of themselves”

Beliau menyatakan, menerusi huraian yang diberikan oleh Vygotsky, manusia tidak bertindak secara langsung pada persekitaran fizikal tanpa alatan sebagai perantara. Oleh itu, terdapat simbol atau tanda-tanda yang menurut beliau merupakan artifak yang dibuat oleh manusia berdasarkan kebudayaan tertentu, sejarah atau keadaan yang melambangkan ciri-ciri budaya yang bersangkutan. Perkara-perkara inilah yang dijadikan alat bantu dalam menyelesaikan masalah yang tidak dapat diselesaikan semasa sesi pembelajaran di dalam kelas berlaku.

Berdasarkan kepada huraian ini tadi, terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua teknik tersebut. Secara ringkasnya, teknik *scaffolding* berpaksikan kepada

bantuan yang diberikan oleh seseorang guru kepada seseorang pelajar di mana guru menjadi pembimbing untuk mengajar pelajar teknik serta kemahiran yang perlu dikuasai oleh mereka namun usaha yang hadir bersama dengan bimbingan ini perlu agar mereka mencapai kejayaan. Sedangkan teknik mediasi lebih memperihalkan pembelajaran pelajar menerusi pengalaman mereka sendiri. Walaupun terdapat dakwaan teknik ini lebih bersifat berdikari namun pelajar terdedah kepada risiko menghadapi pembelajaran yang salah.

Salah satu contoh yang diberikan untuk melihat perbezaan antara teknik mediasi dan scaffolding adalah menerusi kajian oleh Irina Verenikina (2003) yang bertajuk '*Understanding Scaffolding and the ZPD in Education Research di Australia*'. Kes yang digunakan oleh Irina adalah berdasarkan kes Marcia iaitu seorang pelajar tahun tiga yang sedang menjalani praktikum di salah sebuah tadika dan dikehendaki berkongsi pengalaman mengenai pengajaran di sekolah tersebut di hadapan rakan-rakan dan pensyarahnya. Walau bagaimanapun Marcia didapati meluahkan perasaan tidak puas hati terhadap guru pembimbingnya, Annette yang tidak membenarkan beliau untuk membaca serta memberi soalan semasa menjalankan latihan membaca bersama-sama pelajar-pelajarnya di dalam kelas. Dalam hal ini Annette memberi alasan bahawa Marcia akan memberi pandangan menerusi pemahaman sendiri berbanding pemahaman oleh pelajar-pelajarnya. Keadaan ini seterusnya dikhuatiri akan mempengaruhi pemahaman pelajar dalam menafsirkan teks serta kemampuan untuk berfikir sendiri. Namun, Marcia tetap berpendirian bahawa dengan menggunakan kaedah *scaffolding*, beliau percaya bahawa pemahaman pelajar akan lebih tinggi serta merupakan kaedah pendekatan pendidikan terkini. Beliau juga berpendapat sebagai

seorang pendidik, pengajaran adalah terhad sekiranya guru tidak dapat berkomunikasi bersama-sama pelajar semasa mendalami sesuatu pembelajaran.

Hasil kajian menerusi kes tersebut, Irina mendapati teknik *scaffolding* merupakan satu pendekatan yang kerap kali digunakan oleh guru sebagai pendekatan dalam pengajaran mereka. Malah berdasarkan kajian penyelidikan pendidikan di Australia dalam melihat kualiti seseorang guru juga mendapati teknik *scaffolding* merupakan satu teknik yang semakin meningkat penggunaannya di kalangan para pendidik samada pengajaran dalam bentuk pembacaan ataupun pengiraan. Dalam hal ini, beliau juga mendapati bahawa teknik scaffolding lebih dekat untuk diaplikasi dalam pengajaran berbanding teknik pendekatan secara pengalaman (atau juga dikenali sebagai mediasi). Malah teknik scaffolding juga didapati telah difahami, didefinisikan mengikut penggunaannya serta dilaksanakan dalam penyelidikan pendidikan. Malah Irina juga mendefinisikan penggunaan teknik scaffolding dalam P&P tidak sahaja terhad melalui pandangan psikologi pendidikan tetapi juga secara lebih meluas.

2.6 KAJIAN LEPAS

Secara umumnya, kajian mengenai penggunaan pendekatan *scaffolding* dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah banyak dilakukan oleh pengkaji sama ada di dalam mahupun di luar negara. Kebanyakan pengkaji cuba menghuraikan penggunaan kaedah ini adalah lebih baik berbanding kaedah lain dalam pelbagai disiplin ilmu. Kajian Gerard Westhoff (2006) misalnya mengatakan jika kaedah ini diguna pakai sehingga ke tahap maksimum oleh guru dan pelajar, kebarangkalian pelajar tersebut

memperolehi keputusan yang baik adalah tinggi. Kajian Gerard mengenai *Memo on Scaffolding and debriefing in LQ's* mendapati terdapat dua fungsi utama kaedah ini iaitu, pertama; kaedah *scaffolding* adalah untuk memastikan aktiviti kelas yang dijalankan tidak melebihi sempadan zon pembangunan terhampir (*zone of proximal development*). Jika aktiviti yang dijalankan memerlukan pengetahuan yang melebihi zon tersebut maka guru perlu memberi pertolongan untuk memastikan tiada perbezaan yang lebih ketara antara pemahaman pelajar yang bijak dan sebaliknya. Manakala fungsi kedua *scaffolding* adalah interaksi antara pelajar yang bijak dan kurang bijak dalam menyelesaikan tugas yang sama.

Menurut Gerard, pandangan ini turut dikongsi bersama oleh ramai pengkaji. Vygotsky (dalam Gerard, 2006) misalnya menyatakan *scaffolding* terhasil daripada model pengajaran secara koperatif iaitu lahir daripada reaksi interaksi pelajar semasa proses pembelajaran berlangsung. Keadaan ini turut diakui oleh Richard, Platt dan Platt, 1992 (dalam Gerard 2006) yang menyatakan, “ *The building up of a target language structure over several turns in an interaction*”. *This interaction is supposed to take place between an expert and a novice with a strong emphasis on learning from collaboration*”. Oleh itu, bagi menjadikan pendekatan ini berjaya, setiap guru harus memastikan penglibatan daripada semua murid perlu agar pembelajaran yang dilakukan difahami.

Keadaan ini turut dipraktikkan oleh Paul & Yong (2009) dalam kajian mereka mengenai penggunaan pendekatan *scaffolding* sebagai strategi pengajaran untuk menggalakkan pembelajaran matematik di dalam kelas bagi pelajar sekolah tinggi di New Zealand. Berdasarkan kajian yang dilakukan, kedua-dua pengkaji ini mendapati

penggunaan *scaffolding* sebagai strategi pengajaran yang boleh meningkatkan tahap pemahaman pelajaran matematik di kalangan pelajar di dalam kelas. Walau bagaimanapun, bagi mencapai kejayaan dalam penggunaan pendekatan ini, terdapat lima perkara yang perlu dilihat oleh pengkaji iaitu :

1. Penerangan oleh pelajar dan penyelesaian yang cuba dilakukan
2. Guru perlu sentiasa peka terhadap pemahaman pelajar
3. Guru perlu memahami pandangan pelajar
4. Bantuan kepada pelajar yang memerlukan
5. Pelajar boleh menerima pendekatan kaedah *scaffolding* di dalam pembelajaran

Selain itu, guru juga perlu mengubah peranan mereka di dalam kelas iaitu daripada bertindak sebagai sumber utama rujukan bagi pelajar kepada seorang pembimbing atau fasilitator dalam pengajaran matematik. Menurut Noemi (2009) pula walaupun guru bertindak sebagai pembimbing semasa menggunakan pendekatan ini, terdapat perbezaan yang nyata antara kumpulan guru tersebut kerana cara pendekatan yang digunakan adalah berbeza-beza. Keadaan ini boleh dilihat apabila dua kumpulan guru digunakan untuk melihat penerimaan pengajaran oleh kanak-kanak berusia enam tahun di UAM-corpus. Kumpulan pertama terdiri daripada dua orang guru terlatih dan kumpulan kedua terdiri daripada dua orang guru tidak terlatih. Hasil kajian mendapati terdapat pencapaian yang berbeza antara dua kumpulan guru tersebut. Guru yang terlatih dengan penggunaan kaedah ini dilihat lebih bijak menguasai suasana pembelajaran dan terdapat peningkatan yang positif terhadap pencapaian pelajar berbanding guru yang tidak terlatih.

Kajian oleh Pramudyo dan Prih (2009) pula menunjukkan aktiviti siswa pada Siklus I dan Siklus II didapati mengalami peningkatan pencapaian dalam bidang ekonomi apabila teknik ini diterapkan di dalam proses pembelajaran mereka. Malah peningkatan ini turut berlaku di dalam pencapaian skor guru bagi Siklus I dan Siklus II. Menerusi kajian ini mereka percaya peningkatan ini adalah disebabkan oleh interaksi yang aktif di antara pelajar dengan guru semasa proses pembelajaran berlaku. Malah pemahaman terhadap mata pelajaran ekonomi juga semakin baik apabila didapati terdapat peningkatan terhadap pemahaman mengenai topik permintaan dan penawaran dalam ekonomi yang dipilih sebagai topik kajian bagi bidang ekonomi. Hal ini secara tidak langsung membuktikan penglibatan aktif murid di dalam kelas amat penting bagi memastikan pendekatan ini berjaya (Gerard 2006).

Stephen et.al (2006) mengatakan penggunaan *scaffolding* tidak sahaja terbatas kepada teknik pengajaran bersemuka iaitu guru sebagai pengajar dan pelajar sebagai penerima sahaja. Ia juga boleh digabungkan dengan teknologi maklumat dalam bentuk satu perisian komputer dan boleh dijadikan sebagai satu alternatif baru kepada pelajar untuk memahami topik-topik yang sukar. Keadaan ini amat sesuai bagi topik sains dan teknologi maklumat (ICT) kerana ianya lebih mudah dan menarik perhatian pelajar. Walau bagaimanapun, rekaan perisian ini perlulah memaparkan penyelesaian yang mudah agar tidak membebani pelajar. Berdasarkan selama lapan tahun tersebut, mereka mendapati pelajar yang menggunakan perisian tersebut sejak dari awal persekolahan peringkat tinggi didapati lebih memahami konsep mata pelajaran yang sukar berbanding pelajar pada tahun akhir. Malah terdapat interaksi secara terus daripada pelajar yang kurang bijak dan pintar apabila analisis tugen antara dua kumpulan ini mendapati jurang perbezaan markah antara kedua-dua kumpulan ini

semakin kecil. Kumpulan kajian ini turut menjumpai teknik adaptasi dan interaktif di dalam pembangunan perisian.

Walau bagaimanapun menurut Ewing McMahon et.al (2000), penggunaan pendekatan kaedah *scaffolding* adalah lebih baik dijalankan secara bersemuka (*one-to-one teaching*). Melalui ujian yang dilakukan ke atas dua orang guru matematik, di mana salah seorang daripada mereka menggunakan pendekatan *scaffolding* secara bersemuka (*one-to-one teaching*) dan seorang guru lagi menggunakan pendekatan *scaffolding* melalui rakaman video dan ICT mendapati kaedah ini adalah lebih sesuai dijalankan secara bersemuka. Namun hal ini juga bergantung kepada sejauh mana guru tersebut memahami penggunaan pendekatan ini semasa proses pembelajaran berlaku. Pemahaman guru terhadap penggunaan kaedah ini amat penting untuk membolehkan mereka membuat keputusan yang sukar terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti semasa proses pembelajaran berlangsung. Malah penggunaan idea-idea yang kreatif untuk menarik perhatian pelajar juga perlu dalam pengajaran agar pelajar tidak hanya menjadi penerima pasif tetapi turut aktif semasa P & P berlaku.

Secara keseluruhannya, kaedah *scaffolding* tidak hanya terbatas kepada penggunaan di dalam mata pelajaran teknikal dan penggunaan nombor sahaja seperti sains dan matematik, tetapi juga boleh digunakan di dalam mata pelajaran sastera yang bersifat subjektif sebagaimana yang dijelaskan oleh Vygotsky's tentang teori ini:

“ *Scaffolding is a relation to learning refers to different forms of assistance given in any learning situation*” (dalam Topa, 2003).

“ *At the initial stage, a tutor or a more knowledgeable person guides the learner. At the later stage, the learner will take the lead without any assistance from the more knowledgeable person. This form assistance is said to lead the development of new understanding, skills, concepts or abilities* (dalam Woods, Bruner & Ross, 1976).

Salah satu kajian yang menggunakan pendekatan ini di dalam subjek sastera ialah kajian oleh Premalatha Nair (2009). Dalam kajiannya yang bertajuk “ *Winnowing short story through scaffolding among peers*” yang dilakukan ke atas pelajar tingkatan empat di salah sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur, beliau mendapati pemahaman pelajar mengenai cerita pendek dalam subjek Kesusasteraan Inggeris adalah semakin baik. Malah penglibatan pelajar juga meningkat semasa proses pembelajaran berlangsung. Melalui analisis kualitatif yang dilakukan, beliau juga mendapati terdapat lima aspek *scaffolding* yang menyebabkan kaedah ini amat sesuai digunakan dalam mata pelajaran sastera Inggeris iaitu:

- **Struktur kognitif**

Penstrukturan kognitif ialah satu kaedah untuk memberi nafas baru dalam pembelajaran sastera yang membolehkan pelajar mencipta gaya pembelajaran sendiri. Contohnya, jika seorang pelajar mengalami masalah dengan perkataan bahasa Inggeris, rakan mereka boleh membantu dengan memberikan maksud yang mudah. Walau bagaimanapun, terdapat keadaan di mana kadangkala makna yang ingin diberikan tidak membawa kepada maksud perkataan sebenar. Contohnya, responden B mempunyai masalah dengan perkataan “ kemarau” dalam bahasa Inggeris dan

bertanyakan perkara tersebut kepada responden A. Responden A juga tidak dapat memberikan perkataan yang sebenar, namun telah menggunakan ayat yang sinonim dengan keadaan tersebut sebagai jawapan yang jelas.

- **Memberi pendapat peribadi**

Pelajar digalakkan memberi pendapat sendiri semasa proses pembelajaran berlangsung. Melalui kajian ini, Premalatha mendapati kebanyakan responden tidak lagi malu untuk memberi pendapat sendiri berkenaan cerita pendek yang diberikan.

- **Berfikir secara rasional**

Menerusi kajian ini, tugas yang diberikan ialah pelajar dikehendaki membaca cerita pendek yang telah diberikan serta membuat perbincangan bersama rakan lain di dalam kelas. Semasa perbincangan mengenai masalah yang berlaku di dalam cerita tersebut, Premalatha mendapati kebanyakan murid memberikan jawapan secara rasional serta tidak mengikut perasaan sendiri.

- **Menjadikan diri sendiri sebagai rujukan**

Berdasarkan kajian ini, pelajar di dapati merujuk pengalaman diri sendiri dan menyamakannya dengan cerita yang diberikan. Hal ini menjadikan pelajar lebih aktif dan berfikir secara kritis yang akhirnya membawa pemahaman yang tinggi terhadap karya yang diberikan.

▪ Penggunaan bahasa ibunda / loghat

Penggunaan bahasa ibunda atau loghat kadangkala harus digunakan apabila berhadapan dengan masalah bahasa. Melalui cara ini pelajar dapat memahami maksud sebenar sesuatu keadaan yang berlaku dalam teknik penceritaan tersebut.

Kajian Bronwyn (2000) misalnya mendapati penggunaan teknik *scaffolding* dalam pembelajaran bersemuka “*one-to-one teaching*” merupakan kaedah terbaik untuk menarik pelajar untuk menghadiri kelas ganti matematik (*Maths Recovery*). Dengan menggunakan kaedah dan kriteria yang pernah digunakan oleh Stranger, Cowper dan Stewart’s (1995), Bronwyn telah menjalankan kajian ke atas kanak-kanak berusia enam hingga tujuh tahun dan membahagikan pelajar tersebut kepada tiga tugas yang berbeza mengikut kedudukan pelajar terbabit di dalam kelas. Tujuannya adalah untuk melihat pencapaian kanak-kanak terbabit mengikut pendekatan yang berbeza di antara mereka. Manakala topik pembelajaran yang digunakan ialah topik “tambah dan tolak” berdasarkan kad nombor yang diberikan kepada pelajar-pelajar tersebut. Hasilnya, beliau mendapati bagi tugas pertama yang diberikan kepada pelajar yang duduk di baris ke tiga tidak dapat menyelesaikan tugas kad yang diberikan tanpa bantuan guru apabila guru menyoal “apakah nombor selepas 12?”. Hal ini amat ketara bagi pelajar yang duduk di baris kelima. Manakala bagi tugas kedua, terdapat bukti peningkatan pemahaman pelajar apabila guru dan pelajar bersama-sama menyelesaikan masalah yang diberikan. Dengan menggunakan soalan yang sama, guru bersama-sama membantu pelajar untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Bantuan yang diberikan oleh guru ini di

dapati berjaya menarik minat pelajar malah pelajar juga di dapati semakin berminat apabila guru memberikan contoh jalan penyelesaian yang mudah. Selain itu, pelajar juga didapati semakin fokus dan bekerjasama antara satu sama lain untuk menyelesaikan masalah. Seterusnya, bagi tugas ketiga, pelajar diminta menyelesaikan masalah tolak (55-11) dengan menggunakan seikat kayu kecil. Hasilnya pelajar di dapati telah mula berani untuk memberi penjelasan tersendiri mengenai strategi yang digunakan untuk menyelesaikan masalah.

Keberkesanan setiap pembelajaran adalah bergantung kepada pemahaman dan penyampaian guru. Sekiranya guru tidak memahami sepenuhnya pendekatan yang digunakan, maka pendekatan tersebut tidak akan berkesan kepada para pelajar. Guru sebagai sumber utama maklumat pelajar perlu menguasai setiap teknik yang di gunakan agar mampu serta dapat menarik minat pelajar dalam mempelajari apa yang ingin disampaikan. Menurut Awang Salleh (2006), sekiranya guru memahami aspek perkembangan kanak-kanak secara mendalam dan melaksanakan amalan pengajaran yang sesuai dengan tahap dan keperluan perkembangan, maka pengalaman di sekolah akan menjadi suatu pengalaman yang amat menyeronokkan terutamanya bagi kanak-kanak di peringkat prasekolah. Awang Salleh dalam kajiannya ke atas 50 orang guru prasekolah di Daerah Kuching yang mana 21 orang daripadanya merupakan guru opsyen Pendidikan Prasekolah dan 29 orang lagi merupakan guru bukan opsyen Pendidikan Prasekolah yang dikehendaki mengajar prasekolah mendapati daripada 21 orang guru opsyen prasekolah, 10 orang atau 47.6% mengaku mempunyai pengetahuan mengenai Teori Vygotsky, manakala 71.4% mengaku mengamalkan prinsip-prinsip asas teori tersebut dan 14 orang (66.7%) berpendapat mereka perlu diberi kursus tentang teori tersebut.

Malah berdasarkan hasil analisis statistik deskriptif yang digunakan, daripada 29 orang guru bukan opsyen Pendidikan Prasekolah, hanya 7 orang (24.1%) sahaja yang mengaku mempunyai pengetahuan dalam kaedah *scaffolding*. Manakala 75.9% lagi tidak mengetahui kaedah ini. Walau bagaimanapun, 12 orang (41.3%) daripada mereka mengaku mengamalkan prinsip-prinsip penting Teori Vygotsky seperti memberi perhatian terhadap aktiviti bahasa dalam pengajaran (interaksi). Hasil ujian inferensi non-parametrik Khi Kuasa Dua bagi aspek pengetahuan pula mendapati tidak terdapat perbezaan nilai yang signifikan antara dua kumpulan responden dari aspek pengetahuan tentang kaedah ini dalam pengajaran mereka.

Selain itu, kajian Jill dan Laura (2009) yang bertajuk “ *Teacher’s Use of Scaffolding during read aloud in the preschool classroom* “ ke atas 5 orang guru berpengalaman yang bekerja di jabatan utama pra-tadika di Bandar Midwestern turut memfokuskan betapa pentingnya pengetahuan yang mendalam bagi seorang guru dalam mempraktikkan kaedah *scaffolding* semasa proses P&P berlangsung. Menerusi kajian ini, kedua-dua pengkaji cuba melihat kekerapan penggunaan enam jenis tahap *scaffolding* oleh guru pra tadika tersebut sebagai satu petunjuk penting semasa kaedah ini diguna pakai. Malah kajian ini juga bertujuan melihat dan memahami sama ada guru menggunakan pendekatan ini semasa melakukan aktiviti bersama pelajar atau tidak. Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan 18 orang kanak-kanak yang diletakkan kepada empat buah kelas yang berlainan dan setiap kelas mengandungi 17 orang kanak-kanak . Berdasarkan kajian tersebut, Jill dan Laura mendapati secara puratanya setiap guru menggunakan 28 strategi *scaffolding* semasa sesi pembacaan bersama pelajar berlangsung. Hasil analisis mendapati guru kerap menggunakan

strategi *scaffolding* yang paling rendah iaitu membuat keputusan semasa sesi pembacaan bersama pelajar. Malah, guru juga di dapati tidak menggunakan teknik membantu pelajar dengan memberikan sokongan yang lebih kepada pelajar yang menghadapi masalah dalam tugas yang diberikan.

Kajian ini juga mendapati guru kurang pendedahan terhadap penggunaan strategi ini di dalam kelas walaupun mereka ada menggunakan strategi tersebut. Hal ini secara tidak langsung mempengaruhi pemahaman kanak-kanak semasa menjalankan aktiviti bersama guru. Secara keseluruhannya, Jill dan Laura berpendapat penggunaan *scaffolding* akan memberikan hasil atau input yang terbaik ke atas kanak-kanak sekiranya guru mendalami dan menggunakan sepenuhnya teknik ini semasa proses P&P berlangsung. Guru juga tidak seharusnya memilih menggunakan salah satu teknik *scaffolding* ke atas sesetengah pelajar dan menggunakan teknik yang lain ke atas pelajar tertentu. Hal ini kerana ianya akan menghasilkan pemahaman yang berbeza antara setiap pelajar.

Kajian lain mengenai *scaffolding* juga pernah dilakukan oleh Ross Forman pada tahun 2007. Kajian yang dilakukan oleh beliau ini cuba menganalisis penggunaan dwibahasa di dalam pedagogi dan linguistik kelas EFL (English Foundation Linguistic) di salah sebuah universiti tempatan di Thailand. Responden kajian pula terdiri daripada sembilan sukarelawan guru daripada Jabatan Pendidikan yang dikenali sebagai “Isara” di mana lapan orang daripadanya merupakan penduduk asal dan seorang guru lagi merupakan keturunan Aglo-Australia serta melibatkan 10 buah kelas. Ross dalam kajian ini juga menggunakan data yang dirakam semasa pengajaran guru berlangsung yang membabitkan jumlah jam sebanyak 19 jam waktu

pembelajaran dan temubual bersama guru terbabit. Analisis pedagogi yang dijalankan mendapati penggunaan *scaffolding* secara kiasan amat berguna semasa sesi P&P berlangsung. Dalam hal ini, pengkaji merujuk keadaan ini sebagai tindak balas terhadap *scaffolding (scaffolding interaction)* yang bermaksud kaedah yang digunakan oleh guru untuk berinteraksi bersama pelajar sebagai salah satu tujuan pedagogi.

Selain itu, kajian ini juga mendapati apabila dwibahasa digunakan di dalam pengajaran, terdapat tindak balas kepada penggunaan bahasa yang sama. Contohnya, apabila guru menggunakan Bahasa Inggeris atau Thai, pelajar juga akan menggunakan bahasa yang sama. Walau bagaimanapun, apabila guru bercakap dalam Bahasa Inggeris, penulisan menggunakan huruf Roman akan kelihatan di kalangan pelajar. Tetapi apabila guru atau pelajar menggunakan bahasa Thai, maka penulisan dilakukan dalam bahasa ibunda mereka kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris (dengan bergaris). Menerusi kajian ini juga, tiga teknik hasil tindak balas terhadap penggunaan kaedah *scaffolding* telah dihasilkan iaitu Priming, prompting (segera) dan dialogue (percakapan). Manakala hasil keseluruhan kajian ini mendapati, penggunaan *scaffolding* boleh meningkatkan nilai pemahaman pelajar dalam pedagogi dwibahasa yang berlangsung di dalam kelas. Dalam hal ini juga, *scaffolding* dilihat boleh mendedahkan pedagogi sebagai satu peristiwa yang sangat interaktif. Malah di dapati wujud perbincangan di dalam teks anantara penggunaan satu bahasa (monolingual) dan dwi bahasa (bilingual). Hasil analisis menyeluruh juga memperlihatkan bagaimana cara pembelajaran L2 diikuti oleh L1 dan dalam hal ini penggunaan bahasa ibunda dilihat di pengaruhi oleh budaya dan guru.

Noemi (2009) dalam kajiannya yang bertajuk “*A Comparative study of native and non-native teacher’s scaffolding techniques in SLA at an early age*” cuba untuk menganalisis perbezaan penggunaan teknik *scaffolding* yang digunakan oleh guru Bahasa Inggeris yang berasal dari kawasan tersebut (*native teacher*) dan guru yang bukan berasal dari kawasan tersebut (*non native teacher*). Malah kajian yang dilakukan ini juga cuba menunjukkan pergantungan terhadap guru dan penggunaan teknik *scaffolding* akan memberikan pemahaman yang berbeza ke atas murid. Dalam kajian ini Noemi menggunakan data yang diambil daripada sebuah institusi yang dikenali sebagai UAM-Corpus. Institusi ini merupakan sebuah institusi penyelidikan yang masih dalam pembangunan dan mengendalikan beberapa projek penyelidikan. Antara projek tersebut termasuklah projek jangka panjang kajian mengenai pemahaman Bahasa Inggeris di enam buah sekolah yang mengajar Bahasa Inggeris bagi pelajar pra-tadika. Manakala data yang dipilih adalah berdasarkan tahap pencapaian umur dan guru yang mengajar iaitu guru yang biasa mengajar Bahasa Inggeris (NEST-Native English Study Teacher) dan guru yang kurang bercakap dalam Bahasa Inggeris (NNEST- Non Native English Study Teacher). Responden yang digunakan pula terdiri daripada kanak-kanak yang berusia enam tahun yang berada pada tahun pertama persekolahan dan mengikuti kelas pendahuluan bagi Bahasa Inggeris selama lapan jam seminggu. Secara keseluruhannya, analisis yang digunakan dibahagikan kepada dua iaitu bahagian pertama terdiri daripada analisis kualitatif dan ianya mengandungi penjelasan terhadap kategori baru teknik scaffolding dan bahagian kedua mengandungi analisis kuantitatif dan perbandingan antara teknik yang digunakan oleh NEST dan NNEST.

Hasilnya, Noemi mendapati bagi analisis bahagian pertama, pelajar didapati bertindak balas kepada guru apabila guru memperkatakan sesuatu contohnya:

CH: Teacher is angry. Very angry

TCH: Very angry. Yes

Malah hasil analisis berdasarkan pengkategorian tindak balas pedagogi kepada teknik scaffolding yang berbeza mendapati terdapat lima penggunaan taksonomi iaitu *recast*, *elicitation*, *clues*, *evaluation*, dan *reformulation*. Berdasarkan kategori ini, pengkaji mengandaikan bahawa guru yang bukan mengajar Bahasa Inggeris di dapati kurang bersabar sekiranya pelajar membuat kesilapan. Walaupun kajian ini dilihat memberi perspektif buruk terhadap kualiti pengajaran seseorang guru, namun terdapat teknik lain yang lebih berkesan digunakan oleh guru yang bukan mengajar Bahasa Inggeris untuk mengajar bidang ini. Manakala bagi analisis bahagian kedua pula mendapati guru NNEST dilihat kurang terperinci memberi jawapan kepada pelajar dan guru NEST lebih terperinci memberi jawapan kepada pelajar apabila pelajar menyoal. Malah NEST juga dilihat lebih kepada memberi terjemahan berbanding guru NNEST yang dilihat cenderung memberi jawapan berdasarkan latar belakang pendidikannya. Malah hasil ini sangat mengejutkan kerana NNEST lebih mengeluarkan jawapan yang melibatkan budaya dan latar belakang dengan menggunakan loghat atau bahasa asal yang digunakan berbanding sebaliknya.

Di Malaysia, Premalatha (2009) pula mengkaji penggunaan *scaffolding* sebagai salah satu strategi terbaik yang perlu digunakan di dalam kelas sastera untuk meningkatkan pemahaman pelajar dalam kesusasteraan Bahasa Inggeris. Kajian yang menggunakan analisis kualitatif dan menjadikan pelajar tingkatan empat di salah

sebuah sekolah di Kuala Lumpur ini sebagai responden mendapati terdapat lima jenis *scaffolding* yang digunakan oleh pelajar untuk memahami karya tersebut iaitu struktur kognitif, memberikan pendapat peribadi, rasional atau pandangan pelajar, membuat perbandingan dengan merujuk kepada diri sendiri dan menggunakan bahasa ibunda atau loghat.

Perkembangan teknologi terkini juga tidak menghalang daripada konsep ini diadaptasi dan diguna pakai. Kajian Dong dan Cher (2008) umpamanya menunjukkan *scaffolding* boleh menjadi salah satu kaedah yang membolehkan guru memberi sokongan kepada pelajar mereka dalam menyelesaikan masalah subjek sejarah melalui carian dalam talian dengan mudah. Penyelesaian melalui talian ini bukan hanya mencari jawapan yang betul bagi soalan yang diberikan tetapi juga merujuk kepada bagaimana pelajar dapat mempelajari pendekatan lain bagi menyelesaikan tugas yang diberikan. Kajian yang bertajuk “ *Scaffolding online historical inquiry tasks: A case study of two secondary school classrooms*” ini telah dijalankan di dua buah sekolah menengah di Singapura. Manakala sebanyak 80 orang pelajar telah dipilih secara rawak bagi menyelesaikan lima carian subjek sejarah secara talian dalam jangka masa lima bulan. Kajian ini juga menggunakan metodologi yang sama sepertimana yang telah digunakan oleh Ross Forman (2007) dalam kajiannya. Hasil kajian mendapati penggunaan gabungan teknik *scaffolding* (penulisan secara pantas dan contoh hujahan) serta mengadaptasi teknik *scaffolding* dalam pengajaran (soalan atau model atau teori) harus dijalankan bersama semasa pengajaran agar pelajar dapat menyelesaikan tugas yang diberikan secara dalam talian. Hal ini kerana penggunaan kaedah tulisan dan hujahan berguna untuk menjadi penunjuk arah pelajar

menggunakan carian dalam talian untuk menyelesaikan tugas sejarah yang diberikan.

Bagi setiap tugas di dapati sekiranya pelajar membuat nota kecil dengan menyalin perkataan atau langkah yang dinyatakan oleh guru, peratus pemahaman pelajar untuk mencari jawapan sejarah menerusi talian meningkat. Walau bagaimanapun, terdapat pelajar yang menganggap kaedah ini tidak sesuai digunakan lagi kerana lambat dan sebagainya. Jadi mereka merasakan kaedah baru yang lebih sesuai perlu digunakan. Di sini berlakulah hujahan penentangan terhadap kaedah salinan. Apabila guru menunjukkan kaedah lain yang boleh digunakan, pelajar di dapati semakin berminat untuk mencari jawapan mengenai tugas yang diberikan. Bagi tugas kedua dan ketiga, pengkaji mendapati penggunaan soalan dan kaedah permodelan dapat menyokong pelajar memahami tugas yang diberikan. Analisis kuantitatif pula memperlihatkan pencapaian pelajar didapati mencapai skor tertinggi pada tugas kelima berbanding tugas pertama yang diberikan. Manakala analisis deskriptif yang dibuat pula memperlihatkan terdapat kesignifikanan terhadap ketujuh-tujuh kategori yang diberikan dengan ratio F sebanyak 59.989, 89.999, 67.043, 58.469, 74.238, 10.586 dan 1.588 manakala kadar kesignifikannya adalah sebanyak $p < 0.001$. Kesimpulannya Dong & Cher mendapati nota ringkas dan hujahan pendapat amat berguna untuk membantu pelajar menggunakan carian tugas sejarah secara talian. Kajian ini juga mencadangkan agar pelbagai teknik dalam kaedah *scaffolding* digunakan dalam sesuatu pengajaran bagi mendapatkan hasil pencapaian yang maksima. Penggunaan kaedah *scaffolding* yang pelbagai ini amat sesuai dijalankan di dalam kelas yang besar.

Hal ini ternyata terbukti berkesan apabila Pramudyo dan Prih (2009) menjalankan kajian ke atas Siswa Kelas X SMA Laortorium di Universiti Negeri Malang, Indonesia. Kajian yang bertujuan meningkatkan prestasi pelajar bidang ekonomi di universiti ini mendapati penerapan pendekatan kaedah scaffolding dapat meningkatkan prestasi pelajar siswa kelas X-3 SMA ini. Siswa juga didapati menjadi lebih aktif dan bersemangat dalam aktiviti semasa P&P berlangsung. Pendekatan ini juga dapat membolehkan guru menarik perhatian siswa dalam pembelajaran mereka. Dalam kajian ini kedua-dua pengkaji menggunakan teknik pengumpulan data menerusi kaedah temubual dan merekod dengan penelitian di dalam kelas terdiri daripada empat fasa iaitu perencanaan(*planning*), tindakan(*action*), pengamatan(*observation*) dan refleksi (*reflection*). Hasil pencerapan ke atas aktiviti siswa pada siklus 1 mendapati peratus aktiviti siswa yang dicapai pada siklus I meningkat sebanyak 56% selepas teknik *scaffolding* digunakan. Manakala hasil pencerapan ke atas guru pula turut berada pada tahap kriteria baik iaitu sebanyak 66%. Manakala hasil pencerapan pada Siklus II tentang aktiviti siswa dan guru dalam kegiatan pembelajaran Siklus II berada pada skor sangat baik iaitu sebanyak 90% dan 93%. Kajian juga mendapati berdasarkan hasil penilaian kepada ketiga-tiga aspek iaitu efektif, psikomotor dan kognitif dalam pembelajaran ekonomi di SMA Laboratorium Universitas Negeri Malang menunjukkan adanya peningkatan prestasi belajar siswa setelah kaedah *scaffolding* diterapkan. Ini terlihat daripada perubahan siswa semasa proses pembelajaran berlangsung.

2.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, penggunaan sesuatu kaedah oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu pendekatan yang tidak boleh di anggap remeh. Guru seharusnya bijak bertindak mengawal keadaan serta kreatif agar keadaan pengajaran tidak membosankan. Menerusi kajian lepas yang dilakukan, kaedah *scaffolding* dilihat boleh diterapkan di dalam semua bidang kajian. Walau bagaimanapun, keberkesanan penggunaannya adalah bergantung kepada kebijaksanaan pendekatan guru tersebut dalam menerapkan serta menguasai sesuatu kaedah yang baru.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi penyelidikan adalah entiti yang sangat penting bagi menentukan tahap keesahan dan kebolehgantungan yang tinggi kepada hasil kajian sepertimana dinyatakan oleh Crotty (1998:6),

‘.....to justify the choice and use of methodologies and methods lies with the purposes of the research and with the research questions or piece of inquiry is seeking to answer.’

Pembangunan metodologi penyelidikan perlulah bersesuaian dengan pembolehubah yang hendak dikaji serta objektif yang digunakan dalam kajian. Penyelidik akan menyentuh beberapa aspek tentang kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Aspek-aspek itu merangkumi reka bentuk kajian, kawasan kajian, sampel kajian, alat kajian dan teknik analisis data.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mendapat gambaran menyeluruh mengenai bagaimana teknik *scaffolding* berkumpul dalam menarik minat pelajar terhadap Pendidikan Sirah seterusnya meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bagi mencapai matlamat kajian ini, satu kerangka penyelidikan telah dibentuk dengan menggunakan pendekatan kualitatif bagi mendapatkan hasil yang kukuh dan dapat menjawab persoalan kajian.

Pendekatan kualitatif digunakan bagi membolehkan analisis dokumen dilakukan terhadap fakta dan bukti yang menyumbang kepada pemahaman terhadap isu yang dikaji dan membuat penilaian terhadap kebenaran sesuatu bukti penting. Karakter kajian interpretif menjurus kepada mencari makna terhadap sesuatu kejadian atau situasi yang dialami oleh individu (Hoepfl 1997; Taylor & Bogdan 1998).

Berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi menjawab persoalan kajian:

1. Guru membentuk kumpulan-kumpulan kecil terdiri daripada tiga orang pelajar bagi setiap kumpulan.
2. Guru memberi tajuk bahagian sirah bagi setiap kumpulan.
3. Pelajar-pelajar diminta membincangkan tajuk-tajuk yang diberi sesama ahli kumpulan.

4. Setiap ahli kumpulan diminta membentangkan hasil kerja dengan menggunakan alat bantu mengajar seperti kertas edaran, power point dan kertas mahjong. Pelajar-pelajar juga digalakkan menggunakan papan putih semasa membentangkan hasil kerja terutamanya dalam menulis sub-sub topik yang akan dibincangkan.

Setelah aktiviti perbincangan berkumpulan selesai, pelajar akan membentangkan hasil perbincangan. Berikut merupakan butiran lanjut mengenainya.

1. Setiap ahli hendaklah menerangkan isi kandungan tajuk mengikut pembahagian sesama kumpulan. Selepas pembentangan daripada kumpulan A misalnya, pelajar lain hendaklah mengemukakan soalan kepada pelajar yang membentangkan isi tersebut untuk melihat sejauh mana penguasaan ahli kumpulan tersebut terhadap tajuk yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.
2. Seterusnya selepas ahli kumpulan tersebut dapat menguasai tajuk tersebut, mereka akan menyoal rakan mereka yang lain tentang tajuk-tajuk yang mereka bentangkan. Cara penyoalan adalah mengikut kreativiti ahli kumpulan, ada kumpulan yang menggunakan teknik cabutan bertuah yang mana di dalamnya mengandungi sub-sub topik yang kecil,. Selain itu ada kumpulan yang meminta rakan mereka untuk menceritakan semula mana-mana tajuk-tajuk daripada apa yang mereka bentangkan.
3. Sekiranya rakan mereka tidak dapat memberi jawapan yang tepat, maka ahli kumpulan akan mengenakan denda kepada rakan mereka dengan

dipantau oleh guru, biasanya hukuman berbentuk membaca semula dan menceritakan apa yang mereka faham. Pelajar yang tidak dapat menjawab soalan yang ditanya oleh pembentang, bermakna ahli dalam kumpulan bertanggungjawab untuk memberi pemahaman kepada pelajar tersebut untuk mengelakkan daripada semua ahli kumpulan didenda.

4. Selepas setiap kumpulan membentangkan hasil kerja mereka, guru meminta pelajar setiap kumpulan membina jadual matriks atau peta minda untuk mengukuhkan ingatan dan pemahaman mereka terhadap riwayat hidup tokoh dan sejarah penubuhan Kerajaan Bani Umaiyyah.
5. Setiap pelajar diminta menjawab soalan dalam pelbagai aras untuk menentukan tahap pemahaman dengan pengetahuan sedia ada.

Sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran berlangsung pemerhatian terhadap sikap dan pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik dinilai menerusi hasil tugasan, serta interaksi pelajar sesama pelajar yang menimbulkan suasana aktif sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah. Dalam kajian ini juga, temubual mendalam akan dilakukan. Beberapa orang pelajar akan dipilih bagi mendapatkan pandangan mereka berkenaan adakah teknik *scaffolding* berkumpulan ini menarik minat mereka terhadap subjek Pendidikan Sirah. Temubual mendalam ini digunakan bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian.

3.3 ETIKA PENYELIDIKAN

Nama kelas dan nama pelajar yang digunakan adalah bukan nama sebenar. Ia bertujuan untuk menjaga imej pelajar. Partisipan boleh menarik diri pada bila-bila masa sahaja sekiranya mereka tidak mahu terlibat dengan kajian tersebut.

3.4 KAWASAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan di salah sebuah sekolah menengah di Negeri Perlis. Sekolah ini merupakan antara sekolah dengan pencapaian akademik yang terbaik di negeri Perlis.

3.4.1 Rasional Pemilihan Kawasan Kajian

Pemilihan sekolah ini sebagai kawasan kajian disifatkan wajar kerana pembangunan sekolah ini berfokus untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dan terbilang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta mewujudkan iklim pembelajaran yang kondusif dengan tenaga penggerak yang berkualiti dan berketerampilan di samping mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat setempat. Sekolah ini juga dipilih berdasarkan statusnya sebagai sekolah kluster. Justeru, bagi memastikan prestasi sekolah dapat dikekalkan sejajar dengan pertambahan bilangan murid, pastinya pihak pentadbiran sekolah perlu sentiasa mencari teknik pengajaran yang berkesan agar pengajaran yang disampaikan dapat diterima dengan baik oleh golongan sasaran (murid).

3.5 SAMPEL KAJIAN

Menurut Webster (1985), sampel adalah bahagian set responden yang dipilih daripada populasi yang lebih besar untuk tujuan kajian. Justeru, kajian ini melibatkan murid dari tingkatan empat dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sheikh Ahmad Arau, Perlis. Sebanyak sebuah kelas tingkatan empat terlibat dalam kajian ini (Jadual 3.1). Murid-murid dari tingkatan empat dipilih kerana mereka tidak terlibat dalam peperiksaan awam, namun mereka masih perlu mempersiapkan diri bagi menghadapi peperiksaan awam (Sijil Pelajaran Malaysia) setelah melangkah ke tingkatan lima kelak.

Jadual 3.1 Bilangan pelajar mengikut kelas

BIL	KELAS	JENIS	BILANGAN PELAJAR
1	4 SIBER	ICT	12
JUMLAH			12

Murid-murid yang terlibat adalah daripada latar belakang pencapaian akademik yang sederhana dan lemah. Hal ini kerana penyelidik ingin melihat adakah teknik *scaffolding* berkumpulan dapat membantu pelajar-pelajar yang sederhana dan lemah lemah dari segi prestasi akademik dalam memahami pembelajaran mereka.

3.6 ALAT KAJIAN

Alat kajian yang digunakan bagi mendapatkan maklumat adalah menggunakan hasil tugas, pemerhatian di kawasan kajian, temubual mendalam dan semakan dokumen berdasarkan buku laporan adab yang mencatat markah bagi setiap pelajar.

3.6.1 Pemerhatian Di Kawasan Lapangan

Pemerhatian digunakan sepanjang tempoh pembelajaran berlangsung. Bagi setiap kali pengajaran dilakukan iaitu kira-kira selama 40 minit bagi setiap sesi, kelakuan murid-murid juga akan direkodkan dan gred hasil tugas direkod. Kajian mengambil masa selama 5 minggu. Masa bagi mata pelajaran Islam tingkatan empat adalah diperuntukkan selama dua jam empat puluh minit seminggu.

3.6.2 Temubual mendalam

Bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian, temubual mendalam dijalankan bersama beberapa orang pelajar yang dipilih secara rawak. Temubual mendalam merujuk kepada temubual separa berstruktur atau berstruktur longgar (Mason, 1996; Taylor and Bogdan, 1998) atau dengan kata lain '*conversation with purposes*' (Burgess, 1984:102, dipetik dari Mason 1996). Proses ini melibatkan penyelidik dan subjek dalam proses mencari pemahaman terhadap pengalaman subjek. Taylor and Bogdan (1998:89) menggambarkan sebagai:

'...repeated face-to-face encounter between the researcher and informants directed toward understanding informants' perspectives on their lives, experiences, or situations as expressed in their own words'.

Bilangan pelajar yang terlibat untuk ditemubual adalah berdasarkan kepada pelajar yang agak rendah pencapaian di kalangan rakan-rakan sekelas. Bilangan ini dirasakan mencukupi berikutan penyelidikan kualitatif tidak mementingkan saiz sampel atau perwakilan kerana ianya lebih memberi tumpuan mendalam terhadap fenomena tertentu atau pengalaman yang dialami bagi memahaminya dengan lebih tepat. Huberman and Miles (1994: 441) menjelaskan;

"....selection of sample should not driven by concerns of 'representativeness'... and the issue is not so much for generalisability but rather an understanding of the conditions under which particular finding appears and operates: how, where, when and why it carries on as it does"

Pemilihan sampel adalah berasaskan kepada tujuan kajian dan penerokaan makna yang lebih mendalam. Patton (1990) menjelaskan bahawa persampelan bertujuan (*purposive sampling*) mencari kes-kes yang kaya dengan maklumat yang boleh diselidiki dengan lebih teliti.

Semasa sesi temubual berlangsung, pelajar akan ditanya berkenaan persepsi mereka terhadap perbezaan bentuk pengajaran subjek ini antara kaedah tradisional (kaedah yang biasa digunakan guru) dengan kaedah baru (iaitu *scaffolding* berkumpulan).

3.6.3 Semakan Dokumen

Sesetengah maklumat kajian diperolehi atau dikumpul melalui kaedah penyemakan dokumen rasmi sekolah sama ada dalam bentuk buku laporan adab yang merupakan buku laporan prestasi pelajar, dan fail. Semakan dokumen ini dilakukan bagi mencari fakta atau maklumat penting yang boleh digunakan untuk memahami isu kajian secara keseluruhan termasuk masalah yang wujud dalam pembelajaran dan kesan terhadap bentuk atau aktiviti yang dijalankan berkaitan pembelajaran kepada prestasi pelajar dan perkara-perkara lain berkaitan dengan kajian. Ia juga dijalankan untuk mencari bukti dan membuat penilaian terhadap kebenaran bukti tersebut dengan keadaan sebenar yang berlaku (Hoepfl 1997; Taylor & Bogdan 1998).

3.7 ANALISIS DATA

Dalam penentuan keesahan hasil kajian, kajian ini menggunakan prosedur yang dicadangkan oleh beberapa pengkaji (Lincoln and Guba, 1985; Patton, 1990; Hoepfl, 1997 and Creswell and Miller, 2000) iaitu triangulasi, penentuan keesahan bukti, dan diskripsi yang mendalam. Temubual digunakan sebagai prosedur keesahan dimana pengkaji mendapatkan sumber informasi yang pelbagai bagi membentuk tema dan kategori dalam kajian (Denzin, 1970; Creswell, 1994; Stake, 1995; Miles and Huberman, 1994). Konsep berasaskan andaian bahawa mana-mana *bias* dalam sumber data, penyiasatan dan kaedah kajian boleh dineutralkan bila diguna bersama dengan lain-lain sumber data dan kaedah kajian.

Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan kaedah analisis data daripada pemerhatian dan temubual mendalam dikombinasikan dan dihuraikan dalam bentuk perbincangan dan hasil pemerhatian. Prosedur mengumpul data adalah seperti jadual berikut:

Minggu	Aktiviti	Tajuk topik sirah
Minggu 1	Kebolehan mengingat kembali	Pendidikan Zaman Umaiyyah
Minggu 2	-Penilaian dan Ujian -Temubual	Pemerintahan zaman Khulafa' Ar-Rasyiddin dengan Zaman Umaiyyah
Minggu 3	Lakaran jadual matriks	Tokoh-tokoh Islam
Minggu 4	Aktiviti soal jawab	Ketenteraan zaman Umaiyyah
Minggu 5	Kuiz mengikut kumpulan	-Perkembangan ilmu,ekonomi dan ketenteraan Zaman Umaiyyah

3.8 KESIMPULAN

Setiap isu yang hendak dikaji perlulah disediakan metodologi kajian yang bersesuaian kerana terdapat pelbagai kaedah yang boleh dipilih penyelidik bagi menjalankan kajian. Setiap kajian perlu dijalankan dengan teratur agar dapatan kajian yang diperolehi memenuhi objektif kajian.

BAB 4

HASIL KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian berdasarkan analisis data yang telah dikumpul. Data yang diperoleh dianalisis untuk melihat keberkesanan penggunaan teknik pengajaran *scaffolding* berkumpulan. Pada bahagian pertama, huraian adalah berdasarkan keupayaan pelajar untuk menjawab soalan sebelum dan selepas menggunakan teknik pengajaran *scaffolding*. Seterusnya, perbincangan akan berkisar kepada keupayaan murid untuk menjawab kuiz setelah pengajaran berkonsepkan *scaffolding* diaplikasi. Akhir sekali, perbincangan akan menyentuh mengenai hasil temu bual yang telah dilakukan kepada pelajar.

Secara umumnya huraian dalam bab ini akan menjawab soalan kajian yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Bagaimanakah subjek Pendidikan Sirah menyokong implementasi teknik pembelajaran dan pengajaran *scaffolding* berkumpulan?
2. Bolehkah implementasi teknik pembelajaran dan pengajaran *scaffolding* berkumpulan meningkatkan interaksi antara pelajar?

3. Bolehkah implementasi teknik pembelajaran dan pengajaran *scaffolding* berkumpul meningkatkan interaksi antara pelajar dengan guru?
4. Bolehkah implementasi teknik pembelajaran dan pengajaran *scaffolding* berkumpul mempengaruhi pencapaian terhadap subjek Pendidikan Sirah?
5. Bagaimanakah *scaffolding* dan mediasi mempengaruhi pembelajaran seseorang individu?

Konsep pengajaran dan pembelajaran dapat digambarkan dengan mudah seperti rajah di bawah :



Pengajaran merupakan satu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian, dan maklum balas. Pembelajaran pula merupakan aktiviti mental, fizikal, atau rohani pada pelajar itu sendiri. Ia merupakan proses di mana individu dapat mengubah sikap dan tingkah laku mereka untuk berkembang secara berterusan serta mampu menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk kemajuan diri sendiri khususnya dan masyarakat atau negara amnya.

Faktor penting yang menentukan proses pembelajaran adalah keinginan pelajar untuk menerap serta mempraktikkannya di dalam situasi yang sesuai. Oleh itu, corak pengajaran dan pembelajaran guru perlulah sentiasa berubah agar proses penyampaian ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran tertentu dapat dicapai. Bagi menguji keberkesanan pengajaran berkonsepkan *scaffolding*, satu kajian telah dibuat terhadap prestasi murid dalam Pendidikan Sirah.

4.2 LATAR BELAKANG PARTISIPAN

Kajian ini melibatkan sebuah kelas sahaja yang mana seramai 12 orang pelajar tingkatan empat dari sesebuah kelas telah terlibat dengan kajian ini. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam menjayakan kajian ini ialah pelajar-pelajar lelaki dan perempuan.

4.3 BUKTI KEBERKESANAN SCAFFOLDING

Pelajar-pelajar telah diberikan ujian kefahaman mengenai topik-topik yang terdapat dalam mata pelajaran Sirah seperti kerajaan Bani Umayyiah, iaitu perkembangan kemajuan zaman Umayyiah, dan riwayat hidup tokoh-tokoh Islam. Pelajar juga diuji dengan aktiviti kuiz mengenai topik-topik ini. Bagi melihat keberkesanan teknik pengajaran *scaffolding* ini, ujian kefahaman mengenai topik-topik ini akan dilaksanakan sebelum dan selepas pengajaran *scaffolding*. Kerja-karya berkumpulan serta soal jawab turut dilaksanakan.

4.3.1 Kebolehan Mengingat Kembali

Pengajaran sebelum penggunaan teknik scaffolding

- i. Guru menerangkan dan menulis di hadapan papan putih faktor perkembangan pendidikan zaman Umaiyyah, kesan pendidikan zaman Umaiyyah, dan faktor kegemilangan tamadun Islam zaman Umaiyyah.
- ii. Selepas penerangan pelajar diberi masa 15 minit untuk mengingat isi pelajaran. Selepas 15 minit berlalu guru menyoal pelajar. “Sekarang cikgu nak kemukakan soalan kepada pelajar sekalian”, soalan yang pertama, Terangkan 2 faktor pendidikan zaman kerajaan umauiyyah ? Sebelum menjawab soalan tersebut cikgu nak ingatkan lagi sekali kepada pelajar sekiranya soalan dimulakan dengan kata soal ‘Terangkan’ maka jawapannya mestilah terdiri daripada isi beserta huraian. “Ok, siapa yang ingat jawapan boleh jawab”, Sharifah mengangkat tangan , ya Sharifah apakah jawapan anda? jawapannya ialah 2 kesan pendidikan tersebut adalah:
 - a) “Pertama zaman kerajaan Umaiyyah merupakan tapak perkembangan pendidikan dan ilmu pengetahuan (isi) serta melahirkan ramai cendekiawan islam dalam pelbagai bidang (huraian)”.
 - b) “Kedua berkembangnya bidang penulisan dan penterjemahan (isi) yang berpusat di masjid, sekolah, perpustakaan dan istana khalifah (huraian)”. Guru menyoal lagi, Ok pelajar semua, tolong terangkan dua lagi faktor lain perkembangan pendidikan pada zaman kerajaan

Umaiyyah?. Ruzman mengangkat tangan dan menjawab 2 faktor lain ialah :

- c) “Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan Khalifah Umar bin Abd Aziz menjadi ulama (isi) dalam bidang al-Quran, tafsir, dan menggalakkan penterjemahan hasil karya bahasa asing ke bahasa arab (huraian)”.
- d) “Kota Basrah terkenal sebagai pusat penyebaran ilmu (isi) dan melahirkan sasterawan seperti Al-farazdaq (huraian)”.

Guru menyoal lagi kepada pelajar, “ Baiklah pelajar lain yang belum menjawab tolong terangkan sekali lagi 4 kesan pendidikan di zaman Umaiyyah”? enam orang pelajar boleh menjawab hanya isi sahaja tanpa huraian iaitu:

- e) Tapak perkembangan ilmu. (isi)
- f) Terdapat ulama dalam bidang al-Quran.(isi)
- g) Pengajian berpusat di masjid .(isi)
- h) Kota Basrah penyebaran ilmu.

Manakala empat yang lain apabila guru menyoal menyatakan “kami tidak ingat isi dan huraian kerana kami bercampur dengan isi topik yang lain dan susah untuk kami ingat isi tersebut”.

Ekoran daripada itu guru mengubah teknik pengajaran dengan berfokuskan kepada pengajaran berkumpulan menerusi teknik scaffolding, guru meminta pelajar membuat dua kumpulan yang mana setiap kumpulan terdiri daripada 6 orang dan Sharifah dan Ruzman menjadi ketua kumpulan bagi tajuk perkembangan pendidikan zaman Umaiyyah.

Pengajaran selepas teknik scaffolding

- Ketua kumpulan: kumpulan Sharifah, “ok kawan-kawan sekarang dengar penerangan daripada saya tentang faktor pendidikan zaman Umaiyyah , mula-mula ingat tapak perkembangan ilmu pengetahuan dan fikirkan apa kesan daripada perkembangan ilmu pengetahuan, jawapannya sudah tentulah melahirkan ramai cendikiawan”. Kemudian ketua kumpulan melakarkan peta minda pada kertas mahjong dan meminta ahli kumpulan menulis jawapan.
- Manakala bagi kumpulan Ruzman , beliau menerangkan kepada ahli kumpulannya faktor tersebut dan meminta setiap ahli kumpulan mengulangnya 3 kali setiap satu isi beserta huraian dan meminta ahli kumpulan menulis semula isi-isi penting yang mereka ingat di atas kertas.

Guru menyoal semula dan mendapati lima orang daripada kumpulan sharifah boleh menjawab kesemua isi beserta huraian manakala seorang sahaja hanya boleh memberi isi tanpa huraian. Manakala bagi kumpulan Ruzman pula sebanyak tiga orang dapat memberi kesemua isi beserta huraian dan tiga orang yang lain dapat memberi isi sahaja tanpa huraian. Oleh yang demikian tidak ada pelajar yang tidak dapat menjawab langsung bagi soalan kesan pendidikan zaman umaiyyah.

Dari segi pencapaian partisipan sebelum menggunakan teknik pengajaran *scaffolding* kebanyakan partisipan didapati susah untuk mengingat fakta serta huraian tentang kesan pendidikan kerajaan Bani Umaiyyah. Melalui soalan lisan yang dikemukakan

seperti meminta pelajar untuk menerangkan perkembangan pendidikan dan ilmu pengetahuan di zaman kegemilangan kerajaan Bani Umaiyyah, kebanyakan pelajar tidak dapat menjawab dengan tepat mengikut kehendak soalan. Sebanyak dua orang pelajar dapat menjawab dengan tepat isi beserta huraian, manakala enam orang dapat memberi hanya dua isi tanpa huraian sahaja, manakala empat yang lain tidak dapat mengingat mana-mana faktor bagi setiap fakta yang diberikan. Maklumat bagi partisipan ditunjukkan dalam jadual 4.1 dibawah.

Jadual 4.1 Ketepatan Isi

Bentuk Jawapan	Bilangan Pelajar
Isi dan huraian	2
Isi tanpa huraian	6
Tiada isi dan huraian	4
Jumlah	12

Selepas teknik pengajaran *scaffolding* didapati bahawa 8 orang pelajar dapat menjawab dengan tepat isi beserta huraian manakala 4 orang lagi dapat memberi 3 isi bagi setiap soalan yang dikemukakan. Maklumat bagi partisipan ditunjukkan dalam jadual 4.2 dibawah.

Jadual 4.2 Ketepatan Isi

Bentuk Jawapan	Bilangan Pelajar
Isi dan huraian	8
Isi tanpa huraian	4
Tiada isi dan huraian	0
Jumlah	12

Selepas penggunaan teknik pengajaran *scaffolding*, peratus pelajar yang dapat menjawab soalan dengan memberikan jawapan beserta isi dan huraian dengan tepat telah meningkat sebanyak 50%. Malahan, didapati tiada pelajar yang tidak dapat memberikan sebarang jawapan.

4.3.2 Penilaian dan Ujian

Dalam ujian seterusnya, pelajar diberikan soalan mengenai topik latar belakang pemerintahan zaman khulafa' Ar-Rasyidin dengan zaman Umayyiah. Soalan yang dikemukakan kepada pelajar adalah berbentuk struktur dan esei pendek. Ini adalah kerana, keberkesanan hasil sesuatu kajian mengenai teknik pengajaran akan lebih mudah diukur sekiranya soalan berbentuk struktur dan esei disertakan bersama. Ini kerana, soalan struktur dan esei pendek tidak mempunyai pilihan jawapan untuk membantu pelajar meneka jawapan bagi sesuatu soalan. Oleh itu, soalan berbentuk esei memerlukan calon mempunyai kemahiran mengingat semula, memahami fakta dan menghuraikannya, memberi contoh dalam bahasanya sendiri, mengupas serta membuktikan jawapan yang diberikan. (Rujuk lampiran 1)

Sebelum pengajaran secara berkumpulan.

Guru menerangkan tentang perbezaan pemerintahan zaman khulafa' Ar-rasyidin dan zaman kerajaan Umaiyyah. Guru menerangkan melalui jadual perbezaan yang dicatat isi penting pada papan putih hadapan kelas. Selepas pengajaran guru bersoal jawab

dengan pelajar dan kemudian mengedarkan kertas ujian. Selepas selesai pelajar menjawab didapati hasil keputusan adalah seperti jadual di bawah.

Maklumat bagi partisipan hasil daripada ujian bagi topik ini sebelum pengajaran teknik *scaffolding* ditunjukkan dalam jadual 4.3 dibawah.

Rajah 4.3 Sebelum *Scaffolding*

Bil Pelajar (Orang)	Markah
2	25/50
4	20/50
4	13/50
2	10/50

Sebelum pengajaran teknik *scaffolding*, didapati bahawa 2 orang pelajar yang mempunyai markah tertinggi hanya mampu untuk menjawab separuh sahaja daripada 50 soalan yang dikemukakan dengan betul. Malahan, markah purata keseluruhan bagi kumpulan tersebut adalah 16.83. Catatan markah ini masih diperingkat rendah dan hanya 6 orang pelajar sahaja yang dapat melepasi markah purata tersebut. Ini menunjukkan bahawa kefahaman pelajar dalam topik tamadun masih diperingkat tidak memuaskan.

Selepas pengajaran berbentuk perbincangan kumpulan

Guru meminta pelajar membentuk kumpulan dan setiap kumpulan dibahagikan mengikut tiga kategori iaitu cemerlang, sederhana dan lemah. Ukuran kategori ini adalah berdasarkan TOV markah peperiksaan penggal yang lepas dan setiap kumpulan

hendaklah berbincang semula isi perbezaan pemerintahan zaman khulafa' Ar-Rasyidin dan zaman Umaiyyah. Didapati pelajar yang cemerlang akan menerangkan semula dan memberi kata AKRONIM kepada pelajar yang sederhana dan lemah untuk memudahkan mereka mengingati isi penting. Setelah teknik pengajaran *scaffolding* diaplikasi, terdapat perubahan positif dikalangan pelajar dalam menjawab soalan yang diajukan. Maklumat bagi partisipan hasil daripada ujian bagi topik ini selepas pengajaran teknik *scaffolding* ditunjukkan dalam jadual 4.4 dibawah.

Rajah 4.4 Selepas *Scaffolding*

Bil Pelajar (Orang)	Markah
7	41/50
3	32/50
2	29/50

Rajah menunjukkan bahawa, prestasi pelajar semakin meningkat setelah penggunaan teknik pengajaran secara *scaffolding*. Peningkatan dalam pemarkahan juga ketara apabila didapati semua pelajar mendapat markah yang melepasi markah tertinggi yang dicatat sebelum teknik pengajaran *scaffolding* dilaksanakan. Malahan, markah purata pelajar telah meningkat kepada 36.75. Ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar dapat dipertingkatkan melalui teknik pembelajaran *scaffolding* ini.

Ini diperkukuhkan lagi dengan menurut Wood, 1998; Bonk & Graham, (2006) iaitu *scaffolding* ataupun sokongan pembelajaran ini merupakan asas kepada mediasi dan secara umumnya diperlukan dalam proses pembelajaran bagi meningkatkan aras dan hasil pembelajaran seseorang individu.

Dua teori yang telah difokuskan dalam pendekatan mediasi adalah *Vygotskian socio-cultural theory* (SCT) (Vygotsky, 1979, 1981) dan *Feuersteins's theory of Mediated Learning Experience* (MLE) (Feuersteins&Feursteins, 1991; Feiurstein, Rand & Randers, 1988; Lidz 1991, 2002). Penghubung kepada konsep kedua-dua teori ini iaitu (SCT) dan (MLE) adalah mediasi. Empat jenis mediasi yang terhasil daripada kajian ini adalah *Environmental Mediation*, *Cognitive Mediation*, *Affective mediation* dan *Metacognitive Mediation* (ECAM).

Menurut Aljaafreh & Lantolf, 1994, p.469 mediasi boleh didefinisikan sebagai:

“A process in which learners develop their mental processcor habits of mind during collaboratively constructed artefacts, the most pervasive of which is language”

Mediasi metakognitif adalah penggunaan alat-alat semiotik bertujuan untuk melakukan self-regulation atau regulasi diri, meliputi *self-planning*, *self-monitoring*, *self-checking*, dan *self-evaluating*. Mediasi kognitif pula adalah penggunaan alat-alat kognitif untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pengetahuan tertentu atau *subject-domain problem*. Mediasi kognitif berkaitan dengan konsep spontan (yang mungkin salah) dan konsep ilmiah (yang lebih terjamin kebenarannya). Konsep-konsep ilmiah yang berhasil diinternalisasikan akan berfungsi sebagai mediator dalam penyelesaian masalah. Menurut Vygotsky, untuk membantu seseorang individu dalam mengembangkan pengetahuan yang benar-benar bermakna, adalah dengan cara memadukan antara konsep-konsep dan prosedur melalui demonstrasi dan praktik.


Menurut Vygotsky, pemikiran, bahasa dan proses penaakulan berkembang melalui interaksi sosial. Teori pembelajaran konstruktivis yang diasaskan oleh Vygotsky mengatakan bahawa pelajar-pelajar biasanya membina pengetahuan secara individu serta sosial. Melalui aktiviti pengajaran berkumpulan ini, mereka diberi peluang untuk berinteraksi dengan maklumat yang disampaikan bertujuan untuk mereka membuat interpretasi masing-masing. Memandangkan setiap pelajar adalah berbeza dari segi latar belakang, budaya, kebolehan, minat, dan sebagainya, maka sudah pasti pengalaman serta pengetahuan akan berbeza antara satu sama lain. Oleh itu, dengan adanya pengajaran *scaffolding* ini, ia bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan pelajar tetapi dapat juga meningkatkan kemahiran komunikasi serta interaksi pelajar antara satu sama lain.

Menurut Vygotsky, perkembangan pelajar boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tahap perkembangan sebenar, dan tahap perkembangan berpotensi. Zon perkembangan proximal merujuk kepada jarak antara perkembangan sebenar (yang ditentukan oleh kebolehan menyelesaikan masalah secara individu) dan tahap perkembangan berpotensi (yang ditentukan oleh proses menyelesaikan masalah dengan bimbingan orang yang lebih dewasa yang lain atau pun rakan sebaya yang lebih berkebolehan).

Secara ringkas, boleh dikatakan bahawa rakan yang lebih pakar atau menguasai sesuatu topik pembelajaran akan berkongsi pengetahuan dengan pelajar berkenaan. Dengan itu, kaedah pengajaran *scaffolding* ini akan dapat merapatkan jurang antara apa yang dia ketahui dan apa yang belum atau tidak ketahui. Apabila wujudnya perkongsian ilmu tadi, zon perkembangan proximal pelajar akan meningkat di mana

tahap perkembangan sebenar telah bertambah luas atau lebih mendalam dalam mencapai perkembangan peringkat potensi yang lebih tinggi. Zon perkembangan proximal sering berubah-ubah dan tidak bersifat statik. Oleh itu, bagi menggalakkan aktiviti pembelajaran yang lebih berkesan, guru perlu menyediakan apa yang dipanggil perancah iaitu *scaffolding* dalam aktiviti pembelajaran. Gambarajah zon perkembangan proximal boleh dilihat dirajah 4.6 dibawah:

Rajah 4. 6 Zon Perkembangan Proximal Vygotsky



Oleh itu, melalui teknik pembelajaran *scaffolding* dalam Pendidikan Sirah mampu untuk meningkatkan pencapaian pelajar di samping meningkatkan interaksi sosial pelajar antara satu sama lain. Ini adalah kerana, melalui aktiviti berkumpulan, mereka dapat belajar untuk memahami apa yang mereka pelajari dan bukannya belajar melalui hafalan semata-mata.

Teknik pengajaran *scaffolding* ini juga diuji dalam hal yang berkaitan dengan tokoh yang terdapat dalam satu-satu topik dalam Pendidikan Sirah. Pelajar juga didapati

lemah dalam menghayati sirah perjuangan tokoh seperti riwayat hidup, sifat peribadi dan sumbangan tokoh-tokoh yang terdapat dalam tamadun Islam. Ini mungkin disebabkan oleh Pendidikan Sirah merupakan subjek yang berkaitan dengan fakta yang sahih dan mempunyai rentetan–rentetan peristiwa yang bersejarah dan tahun-tahun yang perlu diingati. Oleh itu, bagi menjawab soalan ini, pelajar perlu mengingati dengan tepat bagi sesuatu perkara. Disebabkan oleh faktor ini, didapati pelajar jarang membuat pilihan untuk menjawab soalan bahagian tokoh-tokoh ini.

Sebelum pengajaran scaffolding dengan menggunakan teknik hafalan

Guru mengedarkan soalan tentang sumbangan serta jasa pengorbanan tokoh-tokoh Islam seperti Imam Abu Hanifah, Iman As- Syafie, dan Imam Malik, yang mana setiap satu imam diperuntukkan 10 markah. Guru meminta pelajar menghafal dalam masa 20 minit. “Pelajar-pelajar sekalian, anda dikehendaki menghafal dan mengingati riwayat hidup 3 isi sahaja, 2 sifat peribadi bagi setiap tokoh dan 2 sumbangan setiap tokoh dan selepas tamat 20 minit saya akan membaca soalan dan kamu semua diminta mengingat jawapan dengan menulis semula jawapan mengikut kehendak soalan”. Setelah 20 minit berlalu, guru meminta pelajar berhenti menghafal dan guru membaca soalan . Guru meminta pelajar menjawab dalam masa 15 minit. Kemudian guru meminta pelajar menukar kertas jawapan untuk ditanda jawapan yang betul. Guru memilih pelajar secara rawak untuk menjawab soalan-soalan berkaitan dengan riwayat hidup, sifat peribadi serta sumbangan bagi setiap tokoh. Setelah pelajar memberi jawapan guru menyatakan jawapan yang betul untuk memudahkan pelajar-pelajar menanda pada kertas jawapan masing-masing. Pelajar-pelajar dikehendaki menulis markah pada sebelah atas kertas jawapan.

Rajah di bawah menunjukkan hasil dapatan daripada markah yang diperolehi oleh pelajar sebelum penggunaan teknik scaffolding.

Menerusi ujian yang dibuat, hasil dapatan kajian sebelum pengajaran *scaffolding* dilaksanakan adalah seperti berikut.

Bilangan Pelajar (Orang)	Markah /30
3	15
5	10
4	8

Berdasarkan markah ujian yang dilaksanakan, didapati bahawa proses pemerolehan ilmu kebanyakan pelajar dalam bab ini masih diperingkat yang lemah.

Oleh yang demikian memandangkan penguasaan pelajar masih lemah, maka guru mengubah teknik pengajaran iaitu pengajaran menerusi scaffolding.

Pengajaran menggunakan teknik scaffolding secara berkumpulan menerusi teknik lakaran jadual matriks.

Guru meminta pelajar membentuk tiga kumpulan yang mana setiap satu kumpulan mempunyai 4 orang ahli. “Baiklah pelajar, setiap kumpulan dibekalkan dengan jadual matriks tentang riwayat hidup tokoh dan sumbangan bagi setiap tokoh, anda

dikehendaki mengisi jadual tersebut dengan melihat nota”. Kemudian guru meminta setiap orang menghafal jadual tersebut. Selepas mereka menghafal secara individu, mereka dikehendaki bersoal jawab sesama ahli dan ketua kumpulan hendaklah memastikan semua ahlinya boleh mengingati fakta yang terdapat di dalam jadual tersebut. Sekiranya masih ada ahli yang belum menguasai maka ahli tersebut hendaklah berdiri dan membaca secara berulang kali sebanyak 3 kali ulangan. Selepas itu guru memilih secara rawak sebanyak 3 orang bagi setiap kumpulan untuk memastikan setiap pelajar dapat menguasainya. Kemudian guru meminta semua pelajar berada di tempat masing-masing dan mengedarkan soalan-soalan yang berkaitan dengan 3 tokoh tersebut iaitu Imam Abu hanifah, Imam Malik dan Imam As- Syafie. Kemudian menukar kertas untuk ditanda jawapan dan hasil dapatan markah selepas pengajaran scaffolding adalah seperti rajah di bawah:

Selepas pembelajaran teknik *scaffolding* dilaksanakan, hasil bagi ujian yang diberi adalah seperti berikut.

Bilangan Pelajar (Orang)	Markah /30
3	25
8	19
1	13

Setelah pembelajaran *scaffolding* berkumpulan dilaksanakan, markah pelajar bagi topik ini telah meningkat. Melalui pemerhatian yang dibuat, setelah pembelajaran

berdasarkan scaffolding dilaksanakan, pelajar dapat memberikan jawapan dengan tepat telah bertambah. Teknik pembelajaran scaffolding telah membantu mereka untuk mengingat isi-isi penting yang berkaitan dengan tokoh-tokoh berkenaan. Ini kerana, hasil dari perbincangan berkumpulan, mereka dapat mengeluarkan isi-isi penting yang perlu ketahui seterusnya diterjemah ke dalam bentuk peta minda dan jadual matrik. Dengan itu, segala isi penting akan lebih mudah diingati oleh pelajar.

Peta minda dan jadual grafik yang digunakan oleh pelajar merupakan salah satu alat dari *Environtmental Mediation* dalam ECAM model. Oleh itu, dengan menyediakan *Environtmental Mediation* melalui pemilihan peta minda dan jadual grafik akan membantu pelajar untuk memahami dengan lebih baik sesuatu topik yang memerlukan penghafalan dan pembacaan yang sangat banyak.

David Ausubel (1918 hingga kini) merupakan seorang ahli psikologi kognitif yang banyak mengkaji tentang teori pembelajaran khususnya mengenai *advance organizers* dan beliau sering dikaitkan dengan pembelajaran bermakna dan beliau kurang bersetuju dengan pembelajaran hafalan. *Advance organizers* merupakan satu unit pengajaran langsung atau sebelum mengajar satu topik baru. Ausubel telah cuba membuktikan bahawa *advance organizer* memudahkan pembelajaran khususnya bagi aspek pemahaman dan mengingat kembali. Oleh yang demikian, ia amat berguna dalam proses pemindahan pengetahuan di mana murid-murid akan berpanduan kepada hukum-hukum yang berkaitan untuk memikirkan contoh-contoh yang lebih spesifik dalam pembelajaran *scaffolding* ini.

Secara ringkasnya, ia adalah salah satu bentuk persembahan visual dan grafik yang menunjukkan perhubungan antara fakta, istilah atau idea yang berkaitan dengan sesuatu topik pembelajaran. Ia juga dikenali sebagai peta konsep, peta minda, dan sebagainya. Antara contoh jadual matrik yang telah dibina oleh pelajar adalah seperti berikut:

Nama Tokoh	Riwayat Hidup	Sifat Peribadi	Sumbangan
Imam Malik			
Imam As-Syafie			
Imam Abu Hanifah			

Melalui jadual matriks dan peta minda yang dibina, murid akan lebih mudah untuk mengingat kerana isi-isi penting telah dikeluarkan dan disusun dengan teratur. Malahan, dalam pembelajaran *scaffolding*, murid dikehendaki untuk melakukan pembentangan kumpulan dan wujudnya interaksi antara kesemua pelajar kerana wujudnya sesi soal jawab semasa dan selepas perbentangan. Dalam kerja kumpulan ini, pelajar boleh berkolaboratif sesama mereka dan bertindak sebagai pengajar kepada rakan sebaya demi penguasaan topik yang dipelajari.

4.3.3 Aktiviti Soal Jawab

Guru meminta pelajar membentuk tiga kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai 4 orang ahli dan guru memberi 3 tajuk pembentangan iaitu tajuk –tajuk yang berkaitan dengan kerajaan Umaiyyah ,antaranya ialah peranan khalifah dalam membangunkan tamadun Islam Zaman Umaiyyah, faktor kemajuan ketenteraan Zaman Umaiyyah dan

hasil ekonomi Zaman Umaiyyah. Undian dibuat untuk menentukan tajuk bagi setiap kumpulan . Setiap kumpulan hendaklah melantik ketua kumpulan. Kumpulan pertama menamakan kumpulan mereka kumpulan Mawaddah yang mendapat tajuk faktor ketenteraan zaman Umaiyyah, kumpulan kedua pula menamakan kumpulan mereka sebagai Al khawarizmi yang mendapat tajuk peranan khalifah dalam membangunkan tamadun Islam Zaman Umaiyyah manakala kumpulan ketiga yang dinamakan kumpulan Al- Ghazali mendapat tajuk hasil ekonomi Zaman Umaiyyah. Di antara perjalanan proses pembentangan adalah seperti berikut:

Pembentangan kumpulan Al –Mawaddah

Kumpulan Al mawaddah :

- pertama ketua kumpulan membentangkan hasil tugas yang tertera pada kertas mahjong bertajuk faktor ketenteraan zaman Umaiyyah. Contoh penerangan, “Assalamualaikum kawan-kawan saya wakil daripada kumpulan Al-Mawaddah ingi menerangkan beberapa faktor kemajuan ketenteraan zaman Umaiyyah”. Kemudian pelajar tersebut pun menerangkan satu persatu faktor kemajuan ketenteraan beserta huraian yang jelas berpandukan peta minda yang dilakar di atas kertas mahjong yang dipamerkan di hadapan semua pelajar.
- Kedua : Ahli-ahli lain dalam kumpulan pembentang dikehendaki menerangkan semula faktor kemajuan ketenteraan beserta huraian dengan fasih dan lancar tanpa melihat pada kertas mahjong.
- Ketiga : setiap ahli kumpulan hendaklah mengemukakan beberapa soalan kepada pelajar-pelajar lain. “Baiklah kawan-kawan, sekarang kami akan

mengemukakan beberapa soalan kepada anda semua , pelajar yang tidak dapat menjawab soalan akan dikenakan denda dan yang dapat menjawab dengan tepat akan kami beri hadiah”. Soalan pertama , nyatakan faktor-faktor kemajuan ketenteraan beserta contoh? Pelajar yang tidak dapat menjawab soalan yang diajukan oleh pembentang, maka ahli dalam kumpulan pelajar tersebut bertanggungjawab memberi kefahaman yang mendalam kepada pelajar yang tidak dapat menjawab soalan untuk mengelak daripada didenda oleh kumpulan pembentang.

- Keempat pembentang akan mengajukan soalan terbuka kepada semua pelajar. Kumpulan yang ahlinya aktif menjawab akan diberi hadiah oleh kumpulan pembentang menerusi soalan terbuka yang diajukan oleh mereka. Hadiah merupakan penanda buku yang dibuat oleh kumpulan pembentang sendiri. Oleh yang demikian semua pelajar mengangkat tangan untuk menjawab soalan yang diajukan oleh pembentang.

Hasil dapatan bagi tajuk tersebut didapati 4 orang dapat menjawab dengan tepat sebanyak 5 isi beserta huraian mengikut urutan isi yang dibentangkan oleh kumpulan pembentang, manakala 4 orang lagi hanya dapat memberi 3 isi sahaja beserta huraian.

Pembentangan kumpulan Al Khawarizmi

Kumpulan ini membentangkan tajuk peranan khalifah dalam membangunkan tamadun Islam Zaman Umaiyah beserta huraian.

- Pertama : wakil daripada ahli kumpulan membentangkan tajuk perbincangan. Sebanyak 7 isi beserta huraian diterangkan dengan jelas.

- Kedua : Ahli lain di dalam kumpulan pembentang diminta sekali lagi menerangkan isi tugas sambil melakarkan peta konsep di papan putih.
- Ketiga : Ahli kumpulan pembentang membuat cabutan yang mengandungi beberapa soalan untuk dicabut oleh wakil pelajar dari kumpulan lain. Soalan berbentuk objektif, struktur dan esei pendek.
- Keempat : wakil setiap kumpulan bertanggungjawab menjawab soalan yang mereka perolehi daripada cabutan soalan.
- Kelima : jawapan yang diberi hendaklah menepati hasil tugas kumpulan pembentang. Sekiranya jawapan yang diberi tidak memenuhi kehendak pembentang , maka kumpulan tersebut diberi denda dengan menjawab tiga soalan tambahan. Kesannya semua ahli bertanggungjawab memastikan setiap ahlinya dapat menjawab dengan tepat untuk mengelakkan daripada mendapat soalan tambahan. Kumpulan pembentang melakarkan peta minda di hadapan papan putih dan meminta pelajar-pelajar untuk menulis jawapan melalui peta minda yang dilukis (Rujuk lampiran 2) .

Kesemua pelajar iaitu sebanyak lapan orang dipilih untuk menjawab soalan yang dikemukakan tidak termasuk kumpulan pembentang dan hasil dapatan mendapati kelapan-lapan orang pelajar tersebut dapat mengingat isi yang dibentang dengan baik menerusi jawapan yang ditulis pada peta konsep.

Pembentangan kumpulan Al-Ghazali

- Kumpulan Al- Ghazali : “Assalamualaikum kelas, pada hari ini kami kumpulan Al- Ghazali hendak membentangkan hasil tugas yang bertajuk ‘Hasil Ekonomi Zaman Umaiyyah’.
- Wakil kumpulan ‘Siti’(bukan nama sebenar): Apakah yang kamu faham maksud ekonomi? Maria (bukan nama sebenar) tolong jawab soalan tersebut.
- Maria : Ekonomi melibatkan kewangan Negara
- Siti : Jawapan lain ?
- Amir (bukan nama sebenar) : Ekonomi adalah pendapatan Negara
- Siti : Baiklah nampaknya kamu berdua dah faham kaitan ekonomi dengan negara. Sekarang saya akan terangkan kepada kamu semua apakah sumber ekonomi zaman Umaiyyah beserta maksud setiap satunya
- Pembentang memulakan penerangan satu persatu. Selepas menerangkan isi tersebut kumpulan pembentang menanyakan jika ada soalan yang pelajar-pelajar tidak faham. Didapati tiada sebarang soalan yang ditanya oleh pelajar-pelajar lain kepada kumpulan pembentang.
- Kemudian setiap ahli daripada kumpulan pembentang berjalan ke arah kumpulan lain sambil meminta ketua kumpulan menyatakan semula hasil ekonomi negara Zaman Umaiyyah.
- Seterusnya setiap ahli kumpulan pembentang menanyakan soalan kepada semua rakan-rakan kelas untuk memastikan mereka faham dengan baik setiap isi yang dibentangkan oleh mereka. Kumpulan pembentang akan mendengar dengan teliti jawapan yang diberi oleh rakan mereka.

- Hasil dapatan mendapati 3 orang pelajar dapat menyebut semua isi iaitu sebanyak 7 isi yang dibentang, manakala 3 orang hanya mengingat 5 isi sahaja beserta huraian manakala 2 orang lagi hanya mengingat 3 isi sahaja beserta huraian manakala tidak ada pelajar yang tidak dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Aktiviti soal jawab juga merangsang pelajar untuk mencari alternatif yang membolehkan mereka menguasai dengan cepat fakta-fakta yang seharusnya mereka ingati. Aktiviti soal jawab akan menyebabkan pelajar berusaha untuk mengingat fakta-fakta atau isi tersebut. Oleh itu, dengan adanya peta konsep yang dibina, murid akan dapat mengingat fakta dengan mudah serta membolehkan mereka mengenal pasti dengan jelas dan kreatif apa yang sudah mereka pelajari.


Semasa aktiviti soal jawab, ketua kumpulan akan memainkan peranan yang penting dalam memantau setiap ahli dalam kumpulannya supaya dapat menjawab dengan baik. Seterusnya, guru akan meminta pelajar untuk melakarkan peta minda dipapan putih ataupun pada sekeping kertas untuk menguji tahap ingatan pelajar. Peta minda memainkan peranan yang penting bagi membolehkan murid mengingat dengan baik. Ini kerana, melalui pembelajaran yang menambah visual kepada pelajaran akan dapat menambahkan daya ingatan daripada 14 kepada 38 peratus (Pike, 1989). Kajian juga menunjukkan ada peningkatan sehingga 200 peratus apabila kosa kata diajar dengan menggunakan alat bantu pandang. Oleh itu, kaedah pembelajaran *scaffolding* ini amat sesuai bagi pembelajaran Pendidikan Sirah yang memerlukan pelajar banyak membaca untuk mengingat fakta-fakta dan isi penting.

Melalui aktiviti ini juga, ia merupakan salah satu strategi yang mudah untuk memperoleh penyertaan kesemua pelajar dan kebertanggungjawaban individu. Ia juga memberi peluang kepada pelajar untuk menjadi ‘guru’ kepada pelajar yang lain.

Malahan, pembelajaran *scaffolding* berkumpulan juga membolehkan pelajar untuk bertukar-tukar nota, bertukar-tukar pendapat dan memikirkan idea baru, nilai ataupun penyelesaian kepada masalah. Ia juga merupakan cara yang terbaik untuk menggalakkan pelajar meluahkan pendapat serta idea secara aktif.

Dalam aktiviti pembelajaran berlandaskan *scaffolding* berkumpulan ini, penglibatan murid adalah secara menyeluruh dan aktif. Guru hanya akan berperanan sebagai perencnah dan akan memberi sokongan minimum yang penting sahaja bagi membolehkan pelajar menguasai sesuatu topik pembelajaran. Guru akan memberikan bimbingan atau bantuan kepada pelajar dan mencari imbangan yang optimum antara memberi sokongan dan memberi peluang kepada pelajar untuk bertindak secara berdikari.

Rajah 4.7 Corak Interaksi Murid dalam Kumpulan



4.3.4 Permainan Kuiz

Selain daripada soalan menguji kefahaman mengenai topik-topik di atas, murid juga diuji dengan aktiviti permainan kuiz. Soalan yang ditanya adalah berkisar kesemua topik yang terdapat dalam sukatan bagi Pendidikan Sirah bagi Tingkatan 4. Soalan kuiz ini adalah untuk menguji tahap penguasaan topik-topik tersebut.

Bagi aktiviti kuiz ini, pelajar telah dibahagikan kepada 4 kumpulan. Setiap satu kumpulan akan dibahagikan kepada 3 orang.

Sebelum perbincangan kumpulan

Guru meminta pelajar berada dalam kumpulan masing-masing . “ Ok pelajar-pelajar anda dikehendaki membaca sekarang tajuk ketenteraan zaman Umaiyyah, ekonomi Zaman Umaiyyah dan ilmu pengetahuan zaman Umaiyyah, baca secara individu dan kamu akan diberi kertas edaran soalan untuk kamu menjawab secara berkumpulan”. Pelajar-pelajar dikehendaki berada di dalam kumpulan masing-masing dan mula membaca dengan tekun secara individu. Pelajar kemudiannya diminta berhenti membaca selepas 20 minit. Selepas itu kertas soalan diedar dan mereka dikehendaki berbincang sambil menulis jawapan di dalam kertas soalan yang diberi.

Contoh soalan kuiz adalah seperti berikut:

1. Nyatakan 3 faktor perkembangan ketenteraan zaman Umaiyyah (6 markah)
2. Terangkan perbezaan ketenteraan zaman Umaiyyah dan khulafaa' Ar-Rasyidin dari segi: (5 markah)

perkara	Umaiyyah
Cara pemilihan	
Jenis tentera	
Perlantikan panglima tentera	
Latihan	
Tujuan	

3. Di manakah pusat penyebaran ilmu pada zaman Umaiyyah? (2 markah)
4. Berikan lima institusi pendidikan pada zaman Bani Umaiyyah? (5 markah)
5. Senaraikan tiga hasil ekonomi kerajaan Umaiyyah? (6 markah)

6. Terangkan 3 faktor kelemahan pemerintahan Umaiyyah? (6 markah)

Markah yang dicatat bagi setiap kumpulan sebelum pengajaran *scaffolding* adalah seperti berikut.

Kumpulan	Markah
1	18/30
2	14/30
3	12/30
4	10/30

Berdasarkan keputusan markah bagi setiap kumpulan di atas, didapati bahawa penguasaan mereka terhadap topik-topik Pendidikan Sirah masih diperingkat kurang memuaskan.

Selepas perbincangan kumpulan


Seterusnya memandangkan penguasaan pelajar masih kurang memuaskan, guru meminta setiap individu mencerita semula apa yang mereka faham sesama ahli kumpulan masing-masing. Masa diberi lebih kurang 15 minit. Kemudian guru mengedar semula kertas soalan dan meminta mereka berbincang dengan menulis jawapan yang betul di dalam kertas soalan. Setelah pengajaran *scaffolding* berkumpul di dijalankan, didapati terdapat perubahan positif di kalangan mereka.

Markah bagi setiap kumpulan adalah seperti berikut.

Kumpulan	Markah
1	25/30
2	20/30
3	18/30
4	16/30

Perbandingan antara kedua-dua pungutan markah bagi setiap kumpulan dapat dilihat dengan lebih jelas dalam carta bar menerusi rajah 4.8.

Rajah 4.8 Perbandingan Markah Sebelum Dan Selepas *Scaffolding*



Berdasarkan maklumat jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa teknik pengajaran *scaffolding* berkumpulan dapat membantu pelajar untuk menguasai sesuatu topik pembelajaran. Ini kerana, melalui kuiz ia dapat mewujudkan satu amalan persaingan

sihat antara satu sama lain. Malahan, aktiviti kuiz ini dijalankan secara berkumpulan dan bukannya secara individu. Dengan itu, setiap ahli akan bekerjasama dengan rakan-rakan mereka yang lain dan memberikan yang terbaik bagi membolehkan kumpulan mereka mendapat pungutan mata secara maksimum.

Ini membuktikan bahawa melalui *Cognitive Mediation* iaitu penyediaan kuiz kepada pelajar dapat menunjukkan perubahan positif di kalangan pelajar. Soalan kuiz ini akan dapat mendorong pelajar untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan mencari jalan penyelesaian kepada masalah tersebut. Aktiviti seperti ini akan dapat meningkatkan tahap pemahaman pelajar terhadap mata pelajaran ini.

Selain dari itu, ia juga menggalakkan interaksi antara pelajar kerana aktiviti kuiz ini memerlukan kerjasama yang jitu antara semua ahli. Oleh itu, pelajar bukan sahaja dapat menyelesaikan sesuatu masalah malahan dapat memupuk keyakinan diri dalam memperkembangkan kebolehan diri serta memperkembangkan identiti diri apabila berjaya menyelesaikan sesuatu masalah daripada kuiz tersebut.

Secara tidak langsung juga, pelajar juga akan dapat mempertingkatkan kemahiran komunikasi yang dimiliki. Komunikasi yang baik dan berkesan mampu menggalakkan interaksi positif di antara pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru tentunya. Hubungan yang baik di antara pelajar dan guru semestinya akan memberikan kesan kepada persepsi pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar guru berkenaan.

Aktiviti kuiz ini juga dapat dilihat sebagai alat penggerak untuk memotivasikan pelajar supaya memahami apa yang mereka pelajari dan bukannya belajar secara

hafalan. Secara amnya, motivasi berasal daripada perkataan motif yang bermaksud “menggerakkan”. Maka motivasi adalah sesuatu yang menggerakkan kita untuk melakukan sesuatu tindakan.

Motivasi setiap pelajar juga akan berubah secara positif atau negatif akibat suasana bilik darjah tersebut. Pelbagai faktor akan mempengaruhi motivasi mereka, misalnya minat terhadap isi penyampaian yang dilakukan dan persepsi mereka terhadap kegunaan serta kebajikannya, harga diri mereka, keinginan mereka untuk berjaya dan sebagainya. Tambahan pula, faktor-faktor yang memotivasikan murid adalah berbeza antara satu sama lain. Dalam situasi ini, murid akan bermotivasi untuk menjaga harga diri dan mendapat tempat pertama dalam pertandingan kuiz tersebut.

Dalam aktiviti *scaffolding* juga, murid juga merasa bebas untuk belajar secara tidak formal daripada rakan-rakan yang lain berbanding pengajaran formal oleh guru. Hasil daripada pemerhatian mendapati bahawa pelajar tidak berminat dalam Pendidikan Sirah kerana mereka tidak memahami topik-topik berkenaan. Oleh itu, masalah ini akan dapat diatasi sekiranya mereka dapat mengingat dan memahami topik yang diajar dengan baik. Melalui pemahaman yang jelas, minat pelajar terhadap subjek ini secara tidak langsung akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian untuk menarik minat pelajar terhadap sesuatu topik, guru hendaklah mengambil inisiatif dalam melibatkan pelajar secara menyeluruh sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Komunikasi dua hala yang melibatkan pelajar dengan guru dan pelajar sesama pelajar akan melahirkan pelajar yang aktif serta mempunyai persaingan hebat dari segi pemahaman terhadap sesuatu topik yang diajar.

Dengan itu, boleh dilihat bahawa aktiviti kuiz dalam pembelajaran *scaffolding* ini dapat meningkatkan motivasi serta minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Sirah ini. Bagi meningkatkan minat pelajar, ia hanya memerlukan guru untuk membuat sedikit penambahbaikan dalam teknik pengajaran dan menyesuaikan aktiviti dengan pembelajaran. Salah satu cara yang boleh digunakan adalah melalui cara pembelajaran *scaffolding* berkumpulan ini.

Berdasarkan *Affective Mediation* dalam ECAM model guru bukan hanya boleh mencabar minda pelajar dengan memberikan kuiz dan tugas yang mencabar, tetapi dengan memberikan dorongan dan sokongan bagi memotivasikan pelajar. Melalui kaedah seperti dorongan dan rangsangan seperti memberikan pujian dapat membantu pelajar untuk menggalakkan mereka untuk belajar.

4.3.5 Temubual

Selain daripada aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan, satu sesi temubual telah dijalankan bersama pelajar-pelajar bagi mendapatkan pandangan mereka terhadap topik Pendidikan Sirah ini. Temubual merupakan salah satu cara yang afektif bagi mengumpul maklumat. Ini kerana, melalui temubual yang dijalankan, ia dapat meninjau persepsi pelajar terhadap topik Pendidikan Sirah ini. Temubual telah dijalankan ke atas dua orang partisipan yang telah dipilih berdasarkan kriteria pencapaian yang agak rendah berbanding dengan partisipan yang lain dalam penilaian dan ujian menerusi kandungan 4.3.2, temubual akan dianalisa untuk mendapatkan persepsi mereka.

Patton (1980) menyatakan terdapat tiga teknik temubual iaitu temubual formal, temubual tidak formal dan temubual terbuka. Fontana dan Frey (1994) Merriem (1998) juga menyatakan terdapat tiga jenis temubual iaitu temubual berstruktur, temubual separa berstruktur dan temubual tidak berstruktur.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah temubual secara tidak formal. Kaedah ini dipilih supaya mewujudkan suasana yang tidak mendatangkan tekanan kepada pelajar dalam memberikan pandangan. Malahan teknik ini juga akan menggalakkan mereka untuk memberikan pandangan secara jujur dan menyuarakan apa sahaja pandangan mereka serta menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik. Dengan itu, hasil temubual yang akan dianalisis akan menjadi lebih tepat.

Pendekatan analisis kandungan seperti mana yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman, Merriem (1998) telah digunakan untuk menganalisis data temubual. Menurut Burn (1995) analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam kajian kualitatif.

Beberapa soalan telah diajukan kepada pelajar untuk meninjau tahap kefahaman mereka dalam Pendidikan Sirah seperti punca sukar menerima pembelajaran, apakah kehendak mereka dalam aktiviti pembelajaran serta cara-cara yang boleh membantu mempertingkatkan penguasaan pengetahuan mereka dalam Pendidikan Sirah ini.

Berdasarkan temubual bersama pelajar, penyelidik mendapati bahawa pelajar kurang berminat dengan Pendidikan Sirah. Ini kerana sebelum aktiviti pengajaran dan pembelajaran bermula, kebanyakan daripada mereka sudah memiliki satu set pemikiran bahawa mata pelajaran yang berkonsepkan sejarah serta memerlukan mereka membaca dan menghafal untuk memahami sesuatu topik tidak menarik untuk mereka pelajari. Tanggapan pertama terhadap sesuatu topik merupakan sesuatu yang penting untuk mengekalkan konsentrasi mereka terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran.


Temubual juga mendapati bahawa, mereka sukar untuk mengingat fakta-fakta yang perlu mereka fahami kerana mereka tidak gemar dengan topik yang berkaitan dengan sirah kerana malas membaca. Ini kerana, mereka terpaksa membaca huraian yang panjang mengenai sesuatu topik. Tambahan pula, mereka juga tidak tahu bagaimana caranya untuk mengambil isi-isi penting dan mendapatkan kata kunci daripada huraian-huraian tersebut. Oleh itu, mereka menghadapi kesukaran untuk mengingat sesuatu fakta dan huraian.

Para pelajar juga menginginkan satu cara pembelajaran yang lain daripada kebiasaan. Secara rutinnya, bagi pengajaran dan pembelajaran Sirah, guru akan memberikan pengajaran berkonsepkan ekspositori. Pendekatan kaedah pengajaran ini adalah di mana guru akan menyampaikan isi pelajaran semata-mata kepada murid. Ia tidak menggalakkan mereka untuk memikirkan atau menyoal tentang apa yang dipelajari. Sebaliknya, ia hanya memastikan mereka mereka mempelajari apa yang sepatutnya mereka pelajari.

Malahan, bagi topik-topik seperti Pendidikan Sirah ini memerlukan guru untuk bercakap panjang lebar dan menghuraikan secara terperinci mengenai sesuatu topik berkenaan. Apabila wujud satu keadaan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, hanya guru yang akan bercakap dan murid mendengar, ia akan menyebabkan murid sukar untuk mengingati apa-apa yang diperkatakan oleh guru dan besar kemungkinan juga, walaupun bahan yang disampaikan menarik, namun mereka sukar memberikan tumpuan pada apa yang diajar dalam tempoh yang waktu lama. Sudah pasti lama kelamaan, ia akan menjejaskan perhatian dan motivasi pelajar untuk belajar. Hal ini berlaku kerana penyampaian ilmu secara langsung seperti ini telah menjadi sebahagian daripada rutin harian pelajar.

Oleh itu, melalui teknik pengajaran *scaffolding* ini, ia akan dapat menggalakkan murid untuk belajar berkonsepkan pengajaran inkuiri. Merujuk kepada kaedah pembelajaran ini, murid-murid akan melibatkan diri dalam kemahiran-kemahiran menyoal melalui aktiviti kuiz dan pembentangan, membuat kesimpulan serta seterusnya menguji konsep-konsep yang mereka pelajari. Melalui teknik pengajaran ini, mereka akan dibantu serta dibimbing dalam membuat refleksi terhadap pembentukan ilmu yang timbul. Pengajaran yang berbeza daripada rutin akan menggalakkan murid untuk mendengar dengan rapi apa yang diajar oleh guru.

Rajah 4.9 Interaksi Pelajar Menggunakan Bahan rujukan atau Bahan Tambahan



Pembelajaran secara berkumpulan juga membolehkan mereka bertukar-tukar maklumat dan berkongsi menggunakan bahan rujukan atau bahan tambahan yang sama. Melalui *metacognitive mediation* ini iaitu guru merangsang pelajar untuk berfikir mengenai cara lain bagi memperoleh ilmu selain daripada bantuan guru. Ini kerana mediasi metakognitif ini berkembang dalam komunikasi antara peribadi.

Selain itu juga, temubual bersama pelajar mendapati mereka inginkan pengajaran Pendidikan Sirah melalui bimbingan guru tetapi pada masa yang sama mereka juga gemarkan pengajaran melalui tunjuk ajar daripada rakan, belajar melalui peta minda dan peta konsep, jadual matrik dan juga kuiz-kuiz yang dijalankan. Semua aktiviti ini

akan diperolehi melalui gaya pembelajaran *scaffolding*. Ini bermakna, pembelajaran secara *scaffolding* berkumpulan mampu untuk memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Sirah.

Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bukan sahaja bergantung kepada kepetahan guru bercakap tetapi bagaimana guru tersebut menguruskan bilik darjahnya. Pengetahuan yang mendalam tentang pengurusan bilik darjah akan memberikan keyakinan dan masa yang lebih banyak untuk aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Teknik pembelajaran berkumpulan merupakan salah satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang terdapat dalam KBSR untuk memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dan berkongsi pendapat.

Tambahan pula, menerusi kajian dan pemerhatian yang telah dibuat, didapati bahawa tugas pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan interaksi sosial bukan sahaja mampu untuk merangsangkan murid secara sosial, bahkan secara intelek. Apabila pelajar bekerjasama dalam menyiapkan sesuatu tugas, mereka akan lebih menjana tenaga berbentuk kolektif yang dikenali sebagai sinergi dan dapat mengembangkan cara-cara berinteraksi yang lebih berintegrasi.

Pembelajaran koperatif yang berfokuskan perkembangan konsep dan kemahiran melalui kerja kumpulan yang diutarakan oleh Slavin, Jonhson dan Johnson. Pembelajaran yang berbentuk kumpulan ini bukan sahaja akan meningkatkan kemahiran sosial dan perpaduan antara ahli-ahli kumpulan tetapi ia juga mempunyai impak positif ke atas pencapaian akademik dan harga diri pelajar. Oleh itu, pembelajaran *scaffolding* berkumpulan amat sesuai dijalankan dalam pembelajaran

Pendidikan Sirah bagi mengelakkan gaya pembelajaran secara hafalan oleh pelajar tanpa memahami apa yang dihafalnya. Guru menemuramah 2 orang pelajar yang dipilih berdasarkan pencapaian yang agak rendah menerusi penilaian dan ujian menerusi aktiviti 4.3.2 di bawah tajuk Pemerintahan Zaman Khulafa' Ar-Rasyiddin dan Kerajaan Zaman Umaiyyah di dalam kelas 4 Siber iaitu seorang pelajar perempuan dan seorang pelajar lelaki.

Temubual guru bersama pelajar perempuan iaitu Sabrina (bukan nama sebenar)

Guru : Adakah kamu berminat dengan pengajaran teknik scaffolding?

Pelajar (Sabrina) : Ya , berminat.

Guru : Apakah faktor yang menyebabkan kamu berminat?

Pelajar : Di antara faktor yang menyebabkan saya berminat dengan teknik scaffolding adalah kerana ianya memudahkan saya memahami isi pengajaran dengan baik, Selain itu ia juga menyeronokkan kerana dapat menjadikan diri saya aktif ekoran daripada interaksi dengan rakan dan boleh bergelak ketawa dengan rakan-rakan.

Guru : Apakah faktor lain yang menyebabkan kamu berminat dengan teknik pengajaran scaffolding?

Pelajar : Saya berminat dengan teknik tersebut kerana ianya memudahkan saya mengingat isi penting melalui jadual matriks dan peta minda yang dilakarkan di papan putih kelas. Selain itu saya suka teknik scaffolding disebabkan ada persaingan dengan kawan-kawan di dalam kelas, jadi saya berusaha untuk memahami isi pelajaran supaya mereka tidak memandang rendah kepada saya, tetapi cikgu pada mulanya saya tak selesa berada di dalam kumpulan kerana rakan lain cepat boleh dan saya ni lambat ingat isi dan slow dalam belajar berbanding dengan mereka. Tetapi cikgu setelah

mereka berusaha membantu untuk mudah ingat isi pelajaran perasaan rendah diri dah rasa kurang.

Guru : ‘Baiklah Sabrina cikgu berharap agar kamu teruskan usaha untuk kecemerlangan diri kamu dan ilmu boleh dituntut pelbagai cara. Awak boleh juga gunakan cara scaffolding yang kita buat di dalam kelas contohnya perbincangan kumpulan dengan melakar peta minda melalui mata pelajaran yang perlukan pembacaan seperti mata pelajaran sejarah. Terima kasih di atas kerjasama kamu.

Sabrina : Sama-sama cikgu, cikgu doakan kejayaan saya.

Temubual guru bersama pelajar lelaki yang bernama (Asyraf)

Guru ; Apakah sebab markah kamu dalam mata pelajaran pendidikan Islam meningkat berbanding dengan sebelum ini,apakah tindakan yang kamu lakukan?

Pelajar : pencapaian saya rendah sebelum ini kerana saya tak memberi tumpuan di dalam kelas disebabkan saya mengantuk.

Guru : Apakah sebab yang membuatkan kamu mengantuk di dalam kelas?

Pelajar :Saya mengantuk kerana saya bosan bahagian sirah susah untuk saya mengingatnya dan saya tidak berminat belajar bahagian sirah.

Guru :Jadi apakah cara belajar yang kamu minat?

Pelajar : saya minat jika belajar sambil interaksi, soal jawab, ketawa bersama rakan kerana rasa enjoy.

Guru : Adakah teknik scaffolding yang cikgu guna membuatkan kamu rasa seronok belajar.

Pelajar : ya, seronok daripada sebelum ini.

Guru : kenapa?

Pelajar : Kerana saya rasa minat sebab saya mudah faham dengan lakaran peta minda dan teknik akronim yang kawan guna, selain itu saya takut didenda jika tidak dapat menjawab soalan dengan betul dan rasa malu dengan kawan sekiranya tidak dapat menjawab dan kawan dalam kumpulan saya akan memarahi saya kerana jika saya tidak boleh menjawab soalan mereka juga bertanggungjawab terhadap kelemahan saya. Kemudian saya juga suka melakar peta minda yang kreatif kerana saya minat melukis.

Guru : Baiklah, terima kasih di atas kerjasama kamu, teruskan berusaha untuk memajukan diri kamu.

Pelajar : Insya Allah, terima kasih cikgu.

Kesimpulannya, pembelajaran secara *scaffolding* berkumpulan mampu untuk mengubah persepsi pelajar dalam Pendidikan Sirah ini dan seterusnya akan membantu mereka untuk menyerlah dalam subjek Pendidikan Islam. Ini kerana, apabila sesuatu cara penyampaian sesuatu kandungan pengajaran diubah, maka cara yang lama dan membosankan mereka juga akan berubah menjadi lebih mencabar dan seterusnya akan membawa peningkatan dari segi kesedaran, usaha, perhatian dan motivasi masing-masing.

Dengan adanya pembelajaran yang mendorong pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran aktif, pencapaian pelajar akan dapat dipertingkatkan. Pencapaian pelajar merupakan alat pengukur untuk melihat sejauh mana keberkesanan sistem pengajaran sesuatu pembelajaran dan menyumbang kepada kemajuan sistem pendidikan.

Oleh itu, *scaffolding* berkumpulan bukan sahaja dapat meningkatkan interaksi sosial antara pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru tetapi kaedah pembelajaran ini dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap subjek Pendidikan Sirah. Kaedah pembelajaran ini bukan sahaja sesuai digunakan untuk topik Pendidikan Sirah tetapi juga untuk matapelajaran lain yang melibatkan bacaan dan hafalan. Malahan, ia juga mampu untuk mengubah gaya pembelajaran secara hafalan kepada gaya pembelajaran yang lebih efektif.

BAB 5

RUMUSAN KAJIAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini secara keseluruhannya merumuskan segala hasil dapatan dan perbincangan kajian yang dilakukan berhubung perhubungan di antara pembelajaran jenis *scaffolding* berkumpulan dengan peningkatan minat pelajar dalam mata pelajaran Sirah.

5.2 KEBERKESANAN TEKNIK SCAFFOLDING BERKUMPULAN DALAM PEMBELAJARAN

Lima ciri utama yang dikenalpasti dalam kajian ini yang menunjukkan keberkesanan teknik pembelajaran *scaffolding* berkumpulan adalah seperti yang berikut:

5.2.1 Suasana Pembelajaran Lebih Menyeronokkan

Hasil kajian menunjukkan pembelajaran menggunakan teknik *scaffolding* berkumpulan mampu mempertingkatkan minat pelajar dalam mata pelajaran Sirah. Hal ini disebabkan oleh pembelajaran biasa seperti hafalan tanpa memahami isi pelajaran telah diubah kepada

pembelajaran yang lebih menyenangkan iaitu pembelajaran secara berkumpulan. Proses pembelajaran secara berkumpulan telah mewujudkan satu keadaan yang mana murid-murid perlu berinteraksi sesama sendiri. Keadaan ini mencetuskan suasana yang lebih aktif berbanding pengajaran menggunakan teknik tradisional yang mana pada kebiasannya pelajar hanya diam dan mendengar penyampaian daripada guru.

Kajian juga mendapati hasil penggunaan teknik *scaffolding*, pelajar dapat memberi penjelasan dan sebab musabab yang signifikan bagi setiap permasalahan yang diutarakan oleh guru. Jika terdapat pelajar yang gagal menjawab soalan-soalan yang diberikan, rakan sekumpulan akan membantu pelajar tersebut. Komunikasi antara ahli kumpulan akan mencetuskan satu suasana yang lebih aktif berbanding dalam pengajaran menggunakan teknik tradisional di mana pelajar lebih banyak mendengar berbanding berinteraksi dengan guru. Persaingan antara ahli kumpulan dalam memberikan idea berkenaan tajuk atau topik yang diberikan merupakan suatu keadaan yang sihat. Keadaan ini mampu menaikkan motivasi pelajar dan seterusnya meningkatkan minat mereka terhadap subjek.

5.2.2 Meningkatkan Tahap Konsentrasi Murid

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkumpulan ini membolehkan para pelajar bertukar-tukar idea. Keadaan ini bukan sahaja dapat meningkatkan keupayaan intelek mereka bahkan sekaligus dapat merangsang minda murid secara sosial bagi melibatkan diri dalam interaksi sosial antara satu sama lain. Tambahan lagi, pembelajaran secara berkumpulan yang melibatkan soal jawab di antara murid dengan murid serta antara murid dengan guru mampu

untuk menguji kefahaman pendengaran secara tidak formal dalam proses pengajaran. Aktiviti soal jawab memerlukan seseorang pelajar untuk mendengar dengan teliti bagi memahami interaksi sosial yang sedang berlaku. Oleh itu, dengan adanya *scaffolding* ini, ia mampu meningkatkan tahap konsentrasi pelajar terhadap pengajaran yang sedang berlaku. Hubungan rakan sebaya antara pelajar memudahkan lagi proses interaksi. Pelajar dilihat lebih senang bertanya kepada rakan sebaya berbanding dengan guru.

5.2.3 Meningkatkan Pemahaman Pelajar Terhadap Topik

Teknik pembelajaran *scaffolding* berkumpulan telah membantu pelajar mengingat isi-isi penting yang berkaitan dengan tokoh-tokoh yang dibincangkan semasa proses pembelajaran. Hasil dari perbincangan berkumpulan, pelajar dapat mengeluarkan lebih banyak isi-isi penting dan seterusnya diterjemah ke dalam bentuk peta minda dan jadual matrik. Dengan itu, segala isi penting akan lebih mudah diingati oleh pelajar. Keadaan ini bukan sahaja memudahkan proses penerimaan ilmu malah secara tidak langsung mengasah kreativiti pelajar.

5.2.4 Peningkatan Dalam Pencapaian Pelajar

Pemerhatian berdasarkan respon pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan sepanjang proses pembelajaran menggunakan teknik *scaffolding* berkumpulan mendapati bilangan pelajar yang dapat menjawab soalan dengan memberikan jawapan beserta fakta dan huraian dengan tepat telah bertambah. Menurut Wood (1998) dan Bonk & Graham (2006) *scaffolding* ataupun

sokongan pembelajaran merupakan asas kepada mediasi dan secara umumnya diperlukan dalam proses pembelajaran bagi meningkatkan aras dan hasil pembelajaran seseorang individu.

5.2.5 Objektif Pembelajaran Tercapai

Aktiviti-aktiviti seperti permainan kuiz, aktiviti berkumpulan, ujian dan soal jawab sangat penting dan harus diberi perhatian oleh guru terutamanya bagi mata pelajaran yang memerlukan pembacaan yang tidak melibatkan sebarang penggunaan set rumus atau pengiraan. Hal ini bagi mengelakkan mereka menghafal tanpa memahami maksud ilmu yang mereka perolehi dalam proses pembelajaran. Teknik *scaffolding* berkumpulan sesuai dengan keperluan pembelajaran pelajar bagi mata pelajaran Sirah kerana aktiviti-aktiviti yang disertakan semasa proses pembelajaran membolehkan para guru membuat penilaian berterusan ke atas pemahaman pelajar. Perancangan aktiviti yang berlainan semasa proses pengajaran dari guru adalah perlu bagi mengelakkan pelajar merasa jemu terhadap kaedah pengajaran yang berulang-ulang. Hal ini untuk mengelakkan daripada sesuatu matlamat dan objektif pelajaran gagal dicapai. Selain itu, pengajaran perlulah disampaikan dengan cara yang menarik dan berkesan malahan bukan hanya bergantung kepada latihan-latihan yang terdapat dalam buku teks semata-mata. Aktiviti-aktiviti yang mencabar dan berbagai-bagai haruslah dijalankan dalam situasi dan konteks yang bermakna. Dengan itu, pembelajaran yang berkesan akan dapat dicapai.

5.3 MASALAH YANG DIHADAPI DI DALAM PENGAJARAN MENGUNAKAN TEKNIK *SCAFFOLDING* BERKUMPULAN

Berdasarkan tembual bersama pelajar, pengkaji mengenalpasti beberapa maklum balas yang dikategorikan sebagai pengalaman yang kurang menyenangkan dan pengalaman bercampur. Masalah-masalah yang timbul sepanjang kajian dijalankan adalah masalah pelajar dengan ahli kumpulan dan keciciran pelajar semasa proses pembelajaran berlangsung.

Hasil kajian mendapati, pada awal masa sewaktu pembahagian kumpulan-kumpulan kecil dilakukan oleh guru, ramai pelajar tidak suka ahli kumpulan mereka dan sering minta bertukar kumpulan. Pembahagian kumpulan oleh guru bagi suatu kumpulan adalah berdasarkan tahap pencapaian akademik yang pelbagai. Keadaan ini bermaksud, dalam sesebuah kumpulan, ada terdapat pelajar dengan tahap pencapaian akademik yang cemerlang, sederhana dan lemah. Signifikan tindakan guru adalah agar tiap-tiap pelajar dapat saling membantu. Keadaan ini telah mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan pelajar yang biasanya lebih gemar untuk berada dalam kumpulan daripada kalangan rakan-rakan baik mereka sendiri. Keadaan kelas menjadi bising dan tidak kondusif pada awal proses pembelajaran. Pelajar juga kelihatan kurang berinteraksi antara ahli kumpulan pada awal proses pembelajaran. Namun begitu, setelah guru memberi penerangan berulang kali mengenai perlunya pelajar untuk bercampur dengan rakan-rakan lain, pelajar secara beransur-ansur menjadi aktif dalam perbincangan kumpulan. Menurut D. W. Johnson dan F. Johnson (1991), meletakkan murid-murid yang tidak berkemahiran sosial dalam kumpulan kecil dan minta mereka untuk bekerjasama tidak akan menjamin keberkesanan pembelajaran. Hal ini

kerana kemahiran sosial yang berkesan tidak akan muncul secara automatik, sebaliknya guru perlu mengajarnya dengan teliti dan jelas. Lew dan Mesch (1986), yang mengkaji keberkesanan pemberian peneguhan positif apabila murid-murid menggunakan kemahiran sosial dalam interaksi kumpulan kecil menunjukkan ia sangat berkesan dalam membantu pencapaian akademik.

Masalah kedua yang diperolehi adalah masih terdapat pelajar yang tercicir. Hal ini disebabkan masih ada pelajar yang tidak boleh bergaul dengan rakan-rakan baru dalam kumpulan perbincangan tersebut. Pelajar yang tercicir ini lebih gemar membuat kerja lain dan langsung tidak terlibat dalam perbincangan. Oleh kerana semasa aktiviti soal jawab rakan kumpulan boleh membantu sekiranya pelajar yang disoal gagal menjawab soalan guru. Maka, pelajar yang tercicir ini sentiasa terselamat.

5.4 IMPLIKASI DAN CADANGAN

Dapatan kajian mendapati pembelajaran menggunakan teknik *scaffolding* berkumpulan menunjukkan kesan yang signifikan terhadap pelajar. Teknik ini bukan sahaja meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sirah malah dapat membantu pelajar meningkatkan tumpuan dalam kelas malah meningkatkan kefahaman pelajar terhadap topik. Pengkaji menyarankan agar kajian kesan pengajaran menggunakan teknik *scaffolding* berkumpulan dapat dijalankan untuk jangka masa yang lebih panjang. Hal ini kerana masa diperlukan untuk mengetahui latar belakang, gaya pembelajaran, minat dan masalah yang dihadapi oleh seseorang murid sebelum guru dapat merancang aktiviti pengajaran-pembelajaran yang berkesan dengan teknik ini. Menurut T. H. Gan (1999), semua inovasi dalam pembelajaran

memerlukan masa untuk guru mencari jalan pelaksanaan yang paling sesuai dengan konteks kelasnya dan murid-murid pula perlukan masa untuk memahami peranan mereka.

Cadangan kedua ialah mengadakan bengkel ‘kemahiran sosial’ untuk murid-murid yang terlibat dalam kajian *scaffolding* berkumpulan. Hal ini kerana untuk melaksanakan teknik ini dengan berkesan, pelajar perlu menguasai unsur-unsur kemahiran sosial yang penting seperti kemahiran berkomunikasi, mengurus konflik, memimpin, membuat keputusan, mendengar, memberi galakan dan mengikut giliran.

Cadangan ketiga ialah kajian kesan *scaffolding* terhadap minat dan pencapaian murid dalam mata pelajaran Sirah perlu dijalankan oleh guru yang berpengalaman. Hal ini kerana guru berpengalaman yang telah menguasai isi pelajaran Sirah dan mahir dalam kawalan kelas dapat fokus pada strategi *scaffolding* berkumpulan dengan teliti dan justeru itu, hasil kajiannya dapat memberi gambaran yang sebenar berkenaan keberkesanan teknik ini.

RUJUKAN

- Awang Salleh Awang Manap & Zamri Mahamod. 2006. *Tahap pengetahuan Guru Prasekolah tentang Teori Vygotsky dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kanak-kanak Prasekolah*. Dlm. Jurnal Akademik Institut Perguruan Tun Abdul Razak.
- Bushro Binti Ali. *Memadankan reka bentuk pengajaran dengan kecenderungan kecerdasan pelbagai pelajar: MI-MathS*.
<http://www.ipislam.edu.my/uploaded/Memadankan%20Reka%20Bentuk%20Pengajaran%20....pdf>
- Creswell, J.W. 1994. *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Creswell, J.W. & Miller, D.L. 2000. Determining validity in qualitative inquiry. *Theory into Practice*, 39(3): 124-130.
- Crotty, M. 1998. *The foundations of social research: meaning and perspective in the research process*. London: Sage Publications.
- Denzin, N. K. 1970. *The research act; a theoretical introduction to sociological methods*. Chicago: Aldine Pub. Co.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2007. Kamus Dewan Edisi 4. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Ewing McMahon, Bronwyn. 2000. *Scaffolding : A suitable teaching characteristic in one-to-one teaching in Maths Recovery*. Dlm. Proceedings Mathematics Education Beyond. Queensland University of Technology. Fremantle. Western Australia.
- Gainen, J.&P. Locatelli. 1995. *Assesment for the New Curriculum:a Guide for Professional Accounting Programs*. *Accounting Education Series*. Vol. 11. Sarasota, FL:Accounting Education Change Commission and American Accounting Association.
- Gerard Westhoff. 2006. *Memo on scaffolding and debriefing in LQ's*.
<http://www.ecml.at/mtp2/LQuest/pdf/scaffoldingdebriefing.pdf>

- Hoepfl, M.C. (1997). Choosing qualitative research: A primer for technology education researchers. *Journal of Technology Education*, 9(1):12-39.
- Huberman, A.M. & Miles, M.B. (1994). Data management and analysis methods. In, Denzin, N.K. and Lincoln, Y.S. (Eds.), *Handbook of qualitative research*. Thousand Oaks, CA.: Sage. 428-444.
- Ilmu pendidikan pengajaran dan pembelajaran. <http://www.scribd.com/doc/13490591/ilmu-pendidikanpengajaran-dan-pembelajaran>. [21 Oktober 2010]
- Jonassen, D. H & Grabowski, B. L. 1993. *Handbook of individual differences learning & instruction*. Lawrence Erlbaum Associates, Publishers. Hove and London.
- Khalid Mohamed Nor .1993. Kaedah Pembelajaran Berkesan. Kuala Lumpur. Cahaya Pantai M.Sdn.Bhd.
- Klausmeier, H.J. (1977). “*Educational experience and cognitive development*”, Educational Psychologist. 12 (2).
- Latief, Adnan. 2002. “Konstruktivisme dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris”. Materi. Pelatihan Pembelajaran Kontekstual.
- Lange, V.L. (2002). “Instructional scaffolding. 19 April 2010. <http://condor.admin-ccny.cuny.edu/~group4/Cano/Cano%20Paper.doc>.
- Li D. D & Lim C. P. 2006. *Scaffolding online historical inquiry task: A case study of two secondary school classrooms*. Dlm. Computer & Education Journal 50. Elsevier Ltd.
- Lincoln, Y. S. & Guba, E. G. 1985. *Naturalistic inquiry*. Beverly Hills: Sage Publications.
- Mason, J. 1996. *Qualitative researching*, London: Sage Publications.
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. 1994. *Qualitative data analysis: an expanded sourcebook*. Thousand Oaks: Sage Publications.

- Mohd Najib Abd. Ghafar (2003). *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Najib Abd. Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Noemi Ramila Diaz. 2009. *A comparative study of native and non-native teacher's scaffolding techniques in SLA at an early age*. Dlm. Estudios Ingleses de la Universidad Comptense. Vol.17: muka surat 57-73. Madrid. Sepanyol.
- Norjihan, A.G, Norhana, H., Noor Irmayanti, I. 2005. *E-tuisyen sains : satu kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar UPSR*.
http://www.ppdhl.net/v2/images/fbfiles/files/e_tuisyen_sains_satu_kaedah_p_p_untuk_pelajar_upsr.pdf
- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative evaluation and research methods*. Newbury Park, California: Sage Publications.
- Paul & Yong H.T. 2009. *Scaffolding as a teaching strategy to enhance mathematics learning in the classroom*. Universiti Teknologi Mara. Sarawak.
- Pentimonti M. J. 2009. *Teacher's Use of Scaffolding Strategies During Read Aloud in the Preschool Classroom*. Dlm. Early Childhood Education Journal. m/s: 37:241-248. Springer Science. Columbus.
- Pramudyo Kusworo & Prih Hardinto. 2009. *Efektivitas penerapan pendekatan pembelajaran scaffolding dalam ketuntasan belajar ekonomi siswa kelas X SMA labortorium universitas negeri malang*. Dlm. Jurnal Pembangunan Ekonomi. Vol.2: ms 1. University Negeri Malang. Indonesia.
- Premalatha Nair. 2009. *Winnowing Short Strory Through scaffolding among peers*. Dlm jurnal Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa. Jilid 3.
<http://apps.emoe.gov.my/ipba/Research paper/journal/article10.pdf>

- Rohaila Yusof, Norasmah Othman & Faridah Kassim. 2005. *Strategi Pembelajaran Pengalaman Berasaskan Model Kolb dalam Pendidikan Perakaunan*. Dlm. Jurnal Pendidikan. Vol: 30. Bangi. Selangor.
- Ross Forman. 2008. *Using notions of scaffolding and intertextuality to understand the bilingual teaching of English in Thailand*. Dlm . Linguistics and Education 19. m/s: 319-332. Elsevier Ltd.
- Roy D. Pea. (2004). The Social and Technological Dimensions of Scaffolding and Related Theoretical Concepts for Learning, Education, and Human Activity. *Journal of the Learning Sciences*, 1532-7809, [13] 3:423 – 451
- Seman Salleh. *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: kajian kes di sebuah sekolah rendah di daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur*. <http://apps.emoe.gov.my/ipba/rdipba/cd1/article89.pdf>
- Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. 1996. *Permainan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran*. Dlm. Jurnal Institut Perguruan Bahasa- Bahasa Antarabangsa. Jilid 3. <http://apps.emoe.gov.my/ipba/rdipba/cd1/article89.pdf>
- Stake, R.E. 1995. *The Art of Case Study Research*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Stephen P. L, David Abbott, Michael J. 2006. *An instructional scaffolding approach to teaching software design*. Dlm Journal of Computing Sciences in . Dartmouth college, New Hampshire.
- Taylor, S. J. & Bogdan, R. 1998. *Introduction to qualitative research methods: a guidebook and resource*. New York: John Wiley.
- Topa, E. 2004. *Scaffolding teaching and lerning*. <http://www.pngteachereducation.com/pastep/topa.php>
- Vygotsky, L.S. (1978). *Mind in Society*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Wood. D, Bruner, J. S. & Ross.G. 1976. *The Role of Tutoring in problem solving*. Dlm Journal of Child Psychology and Psychiatry. <http://www.wiley.com/bw/journal.asp?ref=0021-9630>.